

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid IV
1998

Bil. 10

Hari Rabu

27 Mei

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998 (Ruangan)

Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 1998 (Ruangan)

Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) 1997 (Ruangan)

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
Mesyuarat Pertama
Penggali Keempat
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M.,
P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.
(Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K.,
J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joon, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)

“ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

“ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

“ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)

“ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)

“ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

“ Tuan Jiuin bin Jimin (Sabah)

“ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)

“ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

“ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)

“ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

“ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)

“ Dato' P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

“ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)

“ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

“ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

“ Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)

“ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)

- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)

- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara/
Timbalan Setiausaha Bagi Parlimen: Abdullah bin Abdul Wahab

Pemangku Ketua Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat

Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.
Hajah Supiah binti Dewak
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Rabu, 27 Mei 1998****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**BOM JATUH DI PEKAN, PAHANG - SIASATAN**

1. **Tuan Long bin Jidin** minta Menteri Pertahanan menyatakan kedudukan siasatan tentang kejadian kejatuhan bom semasa latihan di depan rumah seorang petani di Pekan, Pahang baru-baru ini, ianya disengajakan atau akibat kecuaiian.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan yang bertarikh 3 Jun 1998 di mana kedua-duanya menyentuh perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejadian kejatuhan bom di hadapan rumah seorang penduduk di Kampung Sawah, Pekan, Pahang semasa latihan udara baru-baru ini masih lagi dalam peringkat penyiasatan. Oleh itu Kementerian Pertahanan tidak dapat memberikan sebarang ulasan yang berkaitan.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kenapakah sesuatu penyiasatan seumpama ini yang kita agak cukup memanaskan keadaan negara yang mengambil masa yang agak lama.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan sudah hampir tamat, insya-Allah, tidak lama lagi akan diputuskan tentang sebab-sebab kemalangan atau kejadian itu berlaku dan pada umumnya saya ingin menyatakan tempat itu adalah tempat latihan, kita latih juruterbang kita untuk mengendalikan pesawat-pesawat pejuang kita tentang cara-cara hendak mengebom dari udara ke bumi. Dan oleh kerana kejadian itu berlaku tidak disengajakan maka pihak kerajaan sedang memikirkan sekarang ini untuk memindah tempat itu ke tempat yang lain, jauh dari tempat yang ada orang menginap di tempat yang dibuat latihan pengeboman itu pada masa yang tersingkat mungkin tertakluk kepada keupayaan kewangan kita.

Tuan Ibrahim bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu berapa lamakah suatu perkara itu yang dibuat di dalam siasatan dan kadangkala kita dengar sehingga tiga, empat tahun pun belum selesai.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, masa itu tidak dapat diputuskan dengan tepat tertakluk kepada perkara-perkara yang dapat kita jadikan bahan penyiasaan untuk sesuatu kes itu dan ada kalanya cepat dan ada kalanya lambat tetapi masa yang hendak dianggarkan sebagai average untuknya, tidak dapat saya berikan. Tetapi dalam kes ini saya rasa tidak lama lagi, insya-Allah akan kita putuskan dan kalau Yang Berhormat berminat saya akan hantar secara bertulis kepada kedua-dua Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Sairin dan Yang Berhormat Dato' Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mengutarakan soalan No. 2.

GRADUAN JURUTERA DI IPTA - JUMLAH

2. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah anggaran jumlah jurutera yang akan dikeluarkan oleh Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (program berkembar) bagi tiap-tiap bidang kejuruteraan untuk menampung keperluan industri Malaysia hingga tahun 2020.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran jumlah graduan jurutera yang akan dikeluarkan oleh semua Institusi Pengajian Tinggi Awam menjelang tahun 2000 adalah seramai 5,877 orang.

Bagi Institusi Pengajian Tinggi Swasta pula bilangan jurutera yang dikeluarkan melalui program berkembar ialah seramai 390 orang. Jumlah tersebut adalah meliputi bidang-bidang kejuruteraan awam, kejuruteraan mekanikal, elektrik, elektronik dan kejuruteraan komputer serta kimia.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui dari pihak kerajaan siapakah yang mengaturkan perancangan untuk hendak mengeluarkan jumlah-jumlah anak bangsa di dalam bidang-bidang profesional ini. Dan adakah pihak kerajaan berpuas hati dengan pencapaian yang sedia ada sekarang kerana mengikut kajian yang dibuat yang diumumkan oleh Yang Berhormat Datuk Law Hieng Ding, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ada mengatakan mengikut kajian semenjak tahun 1995 selama dua tahun didapati kita masih lagi kekurangan 34% dari segi mereka yang di dalam jurusan elektronik dan elektrikal. Jadi kalau ini berlaku, bagaimanakah ianya memberi impak kepada usaha kerajaan untuk membangunkan negara dan siapakah yang sebenarnya merancangkan dari segi pusat, adakah Kementerian Pendidikan atau EPU, seperti yang pernah saya sebut ataupun Kementerian Sumber Manusia.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut angka-angka yang ada sekarang stok ataupun bilangan yang ada meliputi bidang kejuruteraan pelbagai sektor itu, pada tahun 1990 kita mempunyai tenaga seramai 26,500 orang dan keperluan kita sekurang-kurangnya pada tahun 2000 ialah seramai 56,600 orang.

Tanggungjawab ini ialah tanggungjawab kerajaan dan ianya diuruskan secara bersepadu melalui kementerian-kementerian yang berkaitan seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Manusia dan juga Kementerian Pendidikan.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membuat soalan tambahan, memandangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut sehingga tahun 2000, jadi kita hendak pastikan bahawa graduan-graduan yang keluar nanti adalah graduan-graduan yang lulus. Kita juga tidak mahu graduan dibebankan kerana baru-baru ini hasil dari kegawatan ekonomi pelajar-pelajar yang dimasukkan dalam American Associate Degree Programme di PPP- ITM, Shah Alam yang tidak jadi pergi ke luar negeri telah mendapat surat dari JPA kerana mereka terpaksa membayar hutang sebanyak RM45,000. Kita rasa ini membebankan kerana kalau pelajar-pelajar ini dimasukkan ke dalam universiti tempatan mungkin mereka hanya perlu membayar pinjaman sebanyak RM20,000 mereka telah menghabiskan masa selama 2 ½ tahun dan kalaulah sepatutnya mereka pergi ke universiti di Amerika Syarikat mereka akan masuk ke tahun ketiga, sekarang mereka akan masuk tahun kedua di universiti tempatan sedangkan masa 2½ tahun mereka hanya akan mendapat sekeping sijil. Bagaimanakah pihak kerajaan boleh membantu pelajar-pelajar ini barangkali mengurangkan pinjaman terhadap mereka.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara, yang pertama pelajar-pelajar kita yang telah mengikuti kursus di PPP atau persediaan terutama sekali seperti di ITM apabila timbul masalah kegawatan ekonomi kita ini mereka ini kita ikhtiarkan dengan cara memasukkan mereka itu ke universiti-universiti terutama kebanyakannya di universiti swasta yang terdapat dalam negara kita ini mengikut kursus masing-masing. Pelajar-pelajar ini semuanya ditaja oleh JPA, itu satu.

Kita sedar tentang kadar bayaran yang dikenakan oleh universiti-universiti swasta dan ini antara perkara-perkara yang perlu dirundingkan dengan pihak-pihak yang berkenaan itu supaya pelajar seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tidak dibebankan sangat dengan masalah pembayaran yang dikenakan dalam satu-satu kursus dan kita percaya melalui cara ini dapat, walaupun tidak diselesaikan, tetapi dikurangkan masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, lambat tadi. Soalan tambahan saya ialah dalam bidang kejuruteraan apakah keutamaan yang diberikan oleh kerajaan kerana pernah pada satu ketika dahulu kerajaan telah mengeluarkan sebilangan jurutera pada suatu masa di mana pekerjaan itu tidak mencukupi sehingga kerajaan telah mengadakan satu skim di mana jurutera-jurutera itu diberi kerja sementara. Alhamdulillah, apabila industri pembinaan kita membangun dan industri elektronik membangun jurutera-jurutera kita telah diambil bekerja semula. Tetapi dukacita setengah daripada jurutera ini apabila mereka telah beralih tempat kerja, mereka tidak balik lagi kepada bidang yang mereka telah dilatihkan. Jadi saya ingin tahu dalam keadaan seperti ini bidang kejuruteraan manakah yang menjadi keutamaan kepada kerajaan untuk kita tampil kehadapan dalam tahun 2020.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kalau ditanya dari segi keutamaan yang sebenarnya kalau mengikut angka-angka yang dijadikan panduan ini yang paling banyak kita perlukan ialah di bidang kejuruteraan awam. Angka yang saya katakan tadi kalau ikut stok yang ada pada tahun 1990 bilangannya 11,100 orang dan keperluan kita sekurang-kurangnya pada tahun 2000 ialah 19,500 orang.

Masalahnya yang kadangkala timbul yang kami perhatikan ada terdapat juga di antara tenaga-tenaga ini apabila mereka telah memasuki pasaran kerja pada ketika itu ada juga timbul di kalangan mereka itu yang beralih ataupun membuat kegiatan-kegiatan yang lain, yang kadangkala kita tengok langsung tidak ada hubung kait dengan ilmu yang ada padanya.

PELUANG PEKERJAAN - JAMINAN KEPADA SISWAZAH DAN GRADUAN BARU

3. **Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah peluang-peluang pekerjaan mencukupi di dalam masa lima tahun akan datang kerana bilangan pelajar-pelajar yang cemerlang semakin bertambah. Apakah senario siswazah menganggur pada awal tahun 80 an akan berulang berdasarkan kegawatan ekonomi yang sedang kita hadapi sekarang.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berkeyakinan bahawa senario kedudukan siswazah yang menganggur seperti tahun 80 an tidak akan berulang lagi pada masa negara menghadapi kegawatan ekonomi sekarang kerana permintaan ke atas gunatenaga yang terlatih dan berpengetahuan akan bertambah selaras dengan peningkatan dalam penggunaan teknologi maklumat di semua sektor ekonomi dalam lima tahun yang akan datang. Untuk mengekalkan persaingan antarabangsa dan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK), pekerja yang mahir dalam bidang teknologi adalah sangat penting. Bilangan pelajar cemerlang yang semakin bertambah adalah suatu petanda baik yang menunjukkan Malaysia mempunyai sumber tenaga manusia yang berkualiti dan boleh dilatih untuk memenuhi permintaan sumber tenaga manusia mahir oleh industri. Sistem pendidikan dan latihan yang kukuh sahaja dapat mengeluarkan pelajar-pelajar yang cemerlang dan tenaga kerja yang mahir dan terlatih untuk menyokong perkembangan industri ke tahap teknologi yang tinggi. Kerajaan menyedari bahawa krisis ekonomi akan menyebabkan kekurangan peluang pekerjaan bagi graduan baru.

Pelbagai langkah sedang dijalankan untuk menambahkan peluang pekerjaan untuk para graduan. Antara lain Kementerian Pembangunan Usahawan telah melaksanakan Skim Usahawan Siswazah yang akan melatih mereka berdikari dan menjadi usahawan yang memberi latihan dalam cara-cara memulakan perniagaan. Di samping itu kementerian juga menggalakkan supaya graduan-graduan ini dan sementara mendapat jawatan-jawatan yang sesuai bagi mereka, mereka bolehlah mengisi berpuluh ribuan kekosongan jawatan yang terdapat sekarang ini di industri-industri termasuk industri-industri hitech dan mungkin semasa mereka menerima jawatan-jawatan tersebut sebagai jawatan sementara mereka juga mungkin mempunyai peluang-peluang yang lebih baik untuk masa depan mereka.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, masih di dalam tajuk pengangguran. Sebagaimana yang kita maklum di akhir-akhir ini, kita dengar berbagai-bagai pihak memberikan perangkaan dari segi pekerja-pekerja kita yang penganggur. Kita ingin tahu, angka yang sebenar pekerja-pekerja kita yang menganggur dewasa ini akibat daripada kegawatan ekonomi kita.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, mulai 1 Februari 1997 berkuatkuasa undang-undang, semua majikan yang hendak memberhentikan pekerja mereka, hendaklah melapor ke Jabatan Buruh dengan mengisi borang-borang tertentu. Ini mengikut undang-undang.

Kalau mereka tidak buat begitu maka mereka akan didakwa di mahkamah. Dan berdasarkan angka-angka itu dari bulan Januari sehingga 15 Mei, jumlah yang telahpun didaftar sebagai telah diberhentikan kerja ada 30,152 orang sahaja.

Dato' Ghazi @ Hasbullah Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan. Mengenai siswazah menganggur, saya ingin mengetahui daripada kementerian sama ada kementerian mempunyai senarai daftar yang lengkap menggalakkan semua siswazah menganggur yang datang dari universiti dalam negeri atau luar negeri dan kalau ada itu, berapa bilangan dan apakah perancangan untuk menangani masalah ini untuk mengelakkan daripada keadaan genting yang berlaku dahulu. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telahpun membuat kenyataan berkali-kali menerusi media cetak, media elektronik dan sebagainya meminta semua orang yang inginkan pekerjaan untuk mendaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat. Kita dapati ramai orang yang tidak berminat untuk berdaftar. Mungkin pada masa dulu mereka boleh mencari pekerjaan dengan ikhtiar mereka sendiri, mereka tidak perlu bantuan di Jabatan Tenaga Rakyat. Tetapi pada ketika ini saya dapati sambutan untuk mendaftar Jabatan Tenaga Rakyat kian bertambah dan di situ kita bolehlah match-make mereka dengan majikan-majikan yang juga berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat mengenai keperluan tenaga kerja mereka ini. Jadi pada waktu ini kita tidak mendapati sebarang masalah dalam perkara ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi rombongan daripada Senator telah melawat ke Taman Teknologi Malaysia dan kita diberi satu taklimat yang cukup baik. Saya ingin mendapat -iaitu di antara butir-butir taklimat maklumat yang kita dapati ialah keperluan pekerjaan menjelang tahun 2020 dari segi kemahiran teknologi. Kita juga diberitahu pelajar-pelajar atau pelatih-pelatih yang boleh menggunakan kemudahan ini ialah daripada belia-belia yang tercir daripada kelulusan sekolah-sekolah/ SPM. Jadi ingin saya mendapat penjelasan, sejauh manakah kementerian sama ada Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan memanfaatkan kemudahan kepakaran dan teknologi yang ada di sini.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, latihan ini dibuat oleh berbagai-bagai agensi. Kementerian Sumber Manusia mempunyai sembilan institut latihan perindustrian dan kursus-kursus tradisional yang diajar di tempat itu kita telahpun ubahsuai dan ditingkatkan supaya mereka lebih berteknologi tinggi dan juga ke arah information technology. Begitu juga Institut Kemahiran Mara dan sekolah-sekolah menengah vokasional, semuanya sedang menukar kurikulum mereka supaya sesuai dengan keperluan tenaga kerja pada masa depan. Dan begitu juga dengan kolej-kolej swasta, mereka juga sedang mengubah kurikulum mereka sesuai dengan apa yang dikehendaki pada masa depan.

USAHAWAN DI KAWASAN BANDAR RAYA - JUMLAH YANG BERJAYA DAN YANG GAGAL

4. **Puan Habshah binti Osman** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) jumlah usahawan yang telah diwujudkan dan jenis perniagaannya. Nyatakan jumlah yang berjaya dan jumlah yang gagal dan apakah usaha bantuan yang diberi; dan

- (b) apakah perancangan kementerian dalam usaha membantu rakyat, terutamanya di dalam bandaraya (Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pulau Pinang dan Ipoh) menambah pendapatan.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Kementerian Pembangunan Usahawan melalui pelaksanaan program-program pembangunan usahawannya telah berjaya mewujudkan usahawan-usahawan seperti berikut:-

Di bawah program pembangunan franchise, kita telah mewujudkan 364 franchisee Di bawah program pembangunan vendor, 183 syarikat vendor. Di bawah program mentor 170 menti, di bawah Program Pemasaran Bersepadu Perabot 142 syarikat, di bawah Usahasama Tulen 51 syarikat, di bawah Program Penswastan 8 syarikat, 42 usahawan, di bawah Program Pembangunan Usahawan Mara 3,324 usahawan, di bawah Program Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil 762 usahawan, di bawah Skim Pinjaman Penjaja dan Peniaga Kecil 49,144 usahawan, di bawah Skim Kilang Bimbingan Bank Pembangunan Malaysia Berhad 155 usahawan.

Di samping itu agensi-agensi di bawah kementerian dan di peringkat negeri dan juga kementerian-kementerian lain telah mewujudkan usahawan melalui pelbagai program mereka sendiri. Pada masa sebelum kegawatan ekonomi melanda negara, memang terdapat usahawan-usahawan yang menghadapi masalah pengurusan dan ketidaksesuaian tempat berniaga. Akan tetapi dalam tempoh kegawatan ekonomi masa sekarang, lebih ramai lagi usahawan tidak kira kecil atau besar menghadapi pelbagai masalah. Ini jelas terbukti daripada kajian yang telah dibuat di Universiti Malaya mengenai impak penurunan nilai Ringgit Malaysia terhadap usahawan-usahawan di bawah program kementerian. Kajian tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan usahawan menghadapi masalah disebabkan oleh pendapatan yang berkurangan hasil daripada penurunan permintaan, kekurangan projek serta kesukaran mendapat pinjaman daripada bank-bank dan kos barangan yang meningkat. Sungguhpun demikian hanya sebilangan kecil sahaja yang telah menghentikan operasi sehingga masa kini. Usaha-usaha dijalankan oleh kerajaan untuk membantu mereka adalah lebih tertumpu kepada memberi mereka peluang dan juga untuk mereka mendapat pinjaman.

Dari segi ini beberapa bentuk skim pinjaman telah diwujudkan oleh kerajaan atau syarat-syaratnya dilonggarkan. Inilah antaranya termasuk penubuhan Tabung Industri Kecil, Sederhana ataupun TIKS dan meningkatkan dananya kepada RM1.5 bilion daripada RM1 bilion serta memberi kelonggaran syarat bagi pemohon-pemohon untuk layak mendapat pinjaman. Keduanya, penyediaan peruntukan tambahan sebanyak RM300 juta untuk membantu peniaga-peniaga kecil melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga ataupun TEKUN, Amanah Ikhtiar Malaysia dan juga Tabung Usahawan Kecil (TUK) yang akan dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri pada pukul 3.00 nanti.

Dalam dana bagi pinjaman SEFF atau Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil diberi 100% daripada peruntukan kerajaan. Kalau dahulunya hanya 80% sahaja. Dan pihak bank tidak lagi perlu menggunakan wang sendiri untuk memberi pinjaman. Ini diharapkan akan menggalakkan pihak bank untuk lebih bersedia meluluskan pinjaman kepada usahawan kecil. Di samping itu kementerian juga

menubuhkan satu pasukan petugas yang boleh dihubungi oleh usahawan-usahawan kecil yang bermasalah untuk mendapat kaunseling dan apa juga pertolongan yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu rakyat terutama di kawasan-kawasan bandar menambah pendapatan, pelbagai program akan terus dilaksanakan oleh kementerian dengan menggembelng tenaga semua agensi kerajaan seperti UDA Holdings Sdn. Bhd., Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Majlis Amanah Rakyat, Credit Guarantee Corporation (CGC) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Program-program seperti program vendor dan franchise menyediakan premis-premis perniagaan, memberi peluang perniagaan dalam bidang pengangkutan dan pembinaan kontrak serta penyediaan skim pembiayaan akan dipertingkatkan. Di samping itu kementerian juga menyediakan latihan dan bimbingan kepada usahawan-usahawan yang sedia ada dan bakal usahawan sebagai usaha memantapkan lagi kemahiran pengurusan dan perniagaan mereka. Dengan harapan ia akan menjadikan perniagaan mereka lebih berjaya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail: Soalan tambahan saya, apakah mekanisme yang digunakan oleh kerajaan untuk mendapat maklumat semasa dan seterusnya mengadakan tindakan susulan terhadap usahawan dan franchise yang dibangunkan oleh kementerian ini dan sama ada kementerian bercadang untuk mengadakan zoning bagi usahawan-usahawan yang terlibat dengan program ini.

Dato' Idris bin Jusoh: Untuk program franchise kita mengadakan perjumpaan dari masa ke semasa. Terutama mereka-mereka yang menghadapi masalah. Baru-baru ini ada satu, dua syarikat mempunyai masalah, kita panggil mereka, kita panggil usahawan-usahawan untuk mengetahui apakah masalah mereka. Selepas itu kita panggil franchisor pula untuk memberitahu pendapat mereka sendiri dan kita galakkan setiap operasi franchise untuk mengadakan majlis perundingan mereka supaya masalah itu jika boleh diselesaikan di dalam rumah mereka supaya mereka menyelesaikan di dalam rumah mereka sendiri.

Dato' Ghazi @ Hasbullah Haji Ramli: Terima kasih, soalan tambahan. Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi perangkaan dan penerangan-penerangan yang begitu detail cuma saya hendak tolong tambah sedikit soalan kerana di samping senarai yang tujuh, lapan itu impressive dengan izin, menarik. Mungkin apa yang kita perlu tahu ialah masa, bilangan masa waktu, jangka masa waktu yang usahawan-usahawan ini diwujudkan dalam berbagai-bagai bidang. Juga dalam segi kemudahan kewangan umpamanya kalau banyak peruntukan diberi, berapakah pencapaian dan pengeluaran dan berapa lama dapat diproses. Sebab saya tanya ini di antara rungutan yang saya dengar daripada rakan-rakan di kawasan saya sendiri ialah sementara kerajaan membuat pengumuman banyak tentang kemudahan dana tetapi mendapatnya dengan ringkas, ya Allah. *[Ketawa]* Terima kasih.

Dato' Idris bin Jusoh: Untuk Yang Berhormat Dato' Ghazi, untuk mendapat detail/maklumat terperinci tentang jangka masa itu saya akan jawab secara bertulis. Dan untuk kedua itu jangka masa proses ini, yang ya Allah tadi itu, memanglah kita mengakui dalam keadaan kegawatan ekonominya banyak masalah-masalah yang berlaku terutama di pihak pemberi pinjaman di pihak-pihak Financial

Institutions yang memberi pinjaman kerana masalah-masalah in house yang dengan izin, mereka hadapi sendiri. Sebab itulah sebagaimana yang saya katakan tadi bagi tabungan TIKS, sebab itulah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengubahsuai syarat-syarat pemberian di bawah tabungan TIKS kerana untuk memudahkan lagi peminjam-peminjam.

Dan untuk sama juga seperti yang saya kata tadi SEFF juga, ini pun adalah masalah ya Allah juga kerana bank-bank enggan memberi pinjaman kepada usahawan-usahawan kecil kerana masa pemprosesan kerana masalah kecarian mereka sendiri. Sebab itulah kita menggunakan sistem pemprosesan berpusat yang mana semua permohonan boleh dihantar ke CGC. CGC akan memproses permohonan itu. Jadi kerja memprosesan itu dipindahkan daripada bank ke CGC dan CGC kita menggunakan wang kerajaan keseluruhannya. Insya-Allah dengan langkah-langkah yang telah kita adakan ini yang kita menggunakan approach pendekatan usahawan friendly dengan izin, di mana kita harap, kita akan dapat sedikit sebanyak mengatasi masalah kegawatan, masalah pinjaman yang dihadapi oleh usahawan-usahawan masa kini.

PERWAJA – PINJAMAN DARI KWSP DAN BANK-BANK

5. **Tuan Tan Swee Hueng** minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimana keadaan Kertas Statut 1989, Statut 1991 dan tahun 1996 mengenai 'Fixed Rate Term Loan Agreement' sebanyak RM600,000,000.00 dan 'Term Loan Facility Agreement' sebanyak RM645,000,000.00 kepada PERWAJA dari KWSP dan bank-bank tersebut yang dijamin oleh kerajaan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, pinjaman sebanyak RM600 juta dan RM645 juta yang dijamin oleh kerajaan telah diperolehi oleh PERWAJA Terengganu Sdn. Bhd. (PTSB) daripada KWSP dan bank-bank masing-masing pada tahun 1996. Selaras dengan seksyen 2(3) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965, kedua-dua pinjaman tersebut telah dikemukakan ke dalam Dewan Rakyat menurut Kertas Statut 89/1996 dan 91/1996. Kedua-dua pinjaman tersebut telah dibiayai semula ataupun dengan izin, 'refinance' pada 1997 dengan pinjaman yang dijamin oleh kerajaan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta soalan tambahan iaitu berkenaan dengan pinjaman daripada bank-bank, bank mana yang memberi pinjaman ini dan bagaimana dengan NPL bank-bank ini termasuk juga pinjamannya kepada PERWAJA?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bank-bank yang memberi pinjaman kepada PERWAJA adalah dibahagikan kepada bank dalam negeri dan bank luar negeri. Bank di luar negeri adalah terdiri daripada Consortium of Banks, Jepun, IBJ Leasing Investment Services, Standard Chartered Bank dan pembayaran balik yang paling akhir ialah pada tahun 2003. Bank-bank dalam negeri, Tuan Yang di-Pertua, ialah Bank Bumiputra Merchant Bankers dan Arab Malaysian Merchant Bank, itu dua sahaja bank-bank, yang lain adalah daripada KWSP.

Mengenai dengan NPL, bank-bank yang berkaitan dengan pinjaman ini, segala pinjaman ini di 'service'kan dengan baik iaitu pada masa ini ada lebih kurang RM5 bilion yang tertunggak. Jadi mengikut 'servicing' yang diperlukan adalah dibuat mengikut jadual dan paling akhir ialah pada tahun 2003.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah pendapatan dalam bentuk faedah atau dalam bentuk apapun yang dikenakan oleh KWSP daripada pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada pihak-pihak yang disebutkan tadi. Saya bertanya soalan ini kerana ingin mengaitkan dengan faedah yang didapati oleh pencarum-pencarum KWSP di mana satu ketika dahulu, ramai orang memperkatakan soal faedah yang rendah diterima oleh pencarum-pencarum. Saya berharap Yang Berhormat Dato' dapat menerangkan kedudukan ini supaya tidak menimbulkan satu spekulasi tidak puas hati di kalangan pencarum-pencarum.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, faedah yang dikenakan oleh KWSP ke atas pinjaman PERAJA kepada dananya yang pada masa ini tinggal hanya RM710 juta sahaja lagi iaitu 9.25%. Jadi, faedah ini pada masa itu adalah lebih daripada faedah pasaran dan untuk tahun 1997 sahaja, pendapatan KWSP adalah lebih kurang 7% daripada keseluruhan pendapatan pelaburannya. Jadi, yang dipinjamkan oleh KWSP kepada PERWAJA ialah 9.25% lebih daripada pendapatan kepada pelaburan keseluruhannya. Jadi di sini, KWSP dapat membuat

keuntungan yang lumayan daripada pinjaman kepada PERWAJA dan juga dijamin oleh pihak kerajaan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin tahulah berapakah setakat ini kerajaan telah memberi jaminan-jaminan kepada syarikat-syarikat. Dahulu kerajaan memberi jaminan kepada syarikat yang mempunyai saham yang tinggi seperti MAS dan sebagainya dan pada masa yang sama, berapakah pembayaran yang dibuat oleh syarikat-syarikat ini di atas jaminan yang diberi kerana jaminan ini (guarantee fee) mesti mempunyai elemen atau ciri pembayaran balik kepada pihak kerajaan? Jadi, adakah jaminan yang diberi oleh pihak kerajaan kepada syarikat-syarikat ini membolehkan kerajaan sendiri mendapat imbuhan ke atas jaminan yang diberikan itu mengikut percentage daripada wang yang dipinjam

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dari segi jaminan kerajaan, sebenarnya kerajaan tidak mendapat imbuhan apa-apa kerana prinsip jaminan kerajaan yang diberi adalah ke atas kriteria syarikat itu menjalankan kerja-kerja yang strategik untuk pembangunan negara, misalannya kepada PERWAJA. PERWAJA mengeluarkan besi dan besi adalah satu barang yang cukup penting di dalam industrialization ataupun mengindustrialisasikan ekonomi negara, jadi kerajaan memberi jaminan.

Untuk saya menjawab berapa banyak jaminan yang kerajaan beri, mustahil pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana banyak syarikat-syarikat – hari ini saya bersedia untuk jawab PERWAJA sahaja - Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, ada berpuluh syarikat yang kerajaan jamin. Jadi adalah mustahil bagi saya memberi jawapan pada hari ini, kalau Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz boleh tunggu, saya akan jawab secara bertulis tetapi untuk menjawab soalan asal iaitu PERWAJA, Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Mac 1998 iaitu first quarter tahun ini, dengan izin, baki hutang PERWAJA Terengganu adalah RM5.08 bilion dan semuanya ini dijamin oleh kerajaan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan berbilang terima kasih di atas penjelasan yang telah diberi oleh pihak

kerajaan, walau bagaimanapun, saya tertarik dengan kenyataan yang menyatakan kehadiran Yang Berhormat pada hari ini adalah khusus untuk jawab perkara tentang PERWAJA. Jadi, saya juga ada minat untuk menyoal tentang PERWAJA. Ini soalan yang selalu diminta atauditanya oleh orang-orang kampung – mereka tanya bila lagi kes PERWAJA ini hendak selesai? Jadi, depa tanya saya, saya tidak boleh jawablah, sekarang ini bila khusus kedatangan ini untuk jawab hal PERWAJA, saya agak pihak kerajaan akan dapat tolong saya supaya mesej ini sampai kepada rakyat yang ada di kawasan saya.

Yang kedua, kalau ada sampai ke peringkat ini apakah lagi perkara-perkara yang masih dalam pengintipan kerajaan bagi mempercepatkan hal-hal yang berkaitan dengan PERWAJA?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menjawab, bahawa segala hutang-hutang yang diambil oleh PERWAJA akan dilangsaikan pada tahun 2003, jadi segala hutang-hutang yang diambil oleh PERWAJA itu adalah bertujuan untuk menyelesaikan segala masalah kewangan PERWAJA. Justeru itu, masalah PERWAJA dari segi teorinya akan selesai pada tahun 2003, dari segi teori sahajalah Yang Berhormat, saya hanya boleh jawab teori ini adalah perancangan kita Tuan Yang di-Pertua, manusia hanya boleh merancang, yang akan menentukan ialah Allah S.W.T. sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang kedua apakah lagi masalah-masalah PERWAJA? Pada masa ini persoalan tentang penyusunan semula PERWAJA seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, PERWAJA sekarang ini diuruskan oleh Equal Concept Sdn. Bhd. iaitu syarikat bersama yang dipunyai 51% oleh kerajaan dan 49% oleh Maju Holdings. Jadi, Equal Concept Sdn. Bhd. ini sedang mengurus dari masa ke semasa dan perjanjian pengurusan telah dibuat, diperbaharui selama dua kali dan pada masa ini PERWAJA menunjukkan prestasi tahunan yang baik dari segi keuntungan tahunan, bukan dari segi keuntungan terkumpul kerana keuntungan terkumpul masih lagi negatif. Jadi, dari masa ke semasa PERWAJA menunjukkan bahawa wang yang diambil olehnya untuk

membaiki pengurusan dan perjalanan kilang sedang dilakukan mengikut kekesanan seperti mana yang dinyatakan dalam kertas-kertas kerja mereka.

PELAJAR PERINGKAT Ph.D- TIADA PINJAMAN KERAJAAN

6. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah disediakan pinjaman untuk pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke luar negeri untuk mendapatkan kelulusan Ph.D dalam jurusan yang tiada pengajiannya di mana-mana universiti tempatan, umpamanya jurusan elektronik dan komputer. Jika ada bagaimana cara untuk memperolehi-nya, jika tiada, bagaimana cara pelajar untuk mendapatkan kelulusan tersebut.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan tidak LAGI menawarkan pinjaman kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian pada peringkat Ph.D sama ada di dalam atau pun di luar negara. Kerajaan hanya menyediakan pinjaman kepada pelajar-pelajar di peringkat ijazah pertama sahaja.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Baru-baru ini kita dimaklumkan kerajaan telah memperuntukkan tambahan yang begitu banyak untuk pinjaman biasiswa kepada pelajar-pelajar sama ada melalui JPA ataupun Kementerian Pendidikan sendiri. Saya ingin mendapat penjelasan kriteria yang bagaimanakah yang dipilih oleh pihak agensi yang terlibat ini untuk menghantar pelajar-pelajar ini ke luar negeri dan juga dapat menyatakan bidang-bidang yang kita masih perlu untuk mendapatkan ilmu daripada luar negeri ini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua pokoknya, kerajaan telah membuat keputusan kita secara beransur-ansur mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negeri kecuali di bidang-bidang yang kita katakan kritikal, maknanya yang perlu dan dana yang disediakan pada peringkat permulaan sebanyak RM100,000 juta, insya-Allah akan ditambah kepada RM200,000 juta. Itu kebanyakannya ialah untuk pelajar-pelajar yang pergi ke institusi-institusi pengajian tinggi dalam negeri dan kita tidak berhasrat untuk menggunakan dana itu bagi maksud menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya, mohon izin, dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998 telah dijelaskan oleh Setiausaha Parlimen di dalam ulasannya iaitu peruntukan sebanyak RM30.3 juta - Maksud B.8 - Jabatan Perkhidmatan Awam, tambahan biasiswa tajaan JPA seberang laut dan dalam negeri dan begitu juga Kementerian Pendidikan, jadi kita confused.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan itu adalah untuk tahun lepas.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Fasal dia bangun dulu.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa ahli akademik selepas membuat Master adalah merupakan satu sumber ahli ilmu yang boleh digunakan terutamanya untuk pendidikan dan pembangunan dan kita tahu P&P adalah sangat penting dalam semua bidang untuk kita terus maju. Soalan saya ialah adakah pihak kementerian akan menimbangkan ataupun memberikan satu alternatif kepada mereka yang telah membuat ijazah peringkat Master untuk membuat pendidikan dan pembangunan untuk memberikan input untuk pembangunan negara. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, pada masa lalu kerajaan memang pernah menaja pengajian di peringkat lanjutan kepada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam, tetapi oleh kerana keadaan ekonomi sekarang tidak mengizinkan pihak kerajaan menaja pegawai-pegawai melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah lanjutan, namun demikian universiti-universiti masih ada menyediakan kemudahan ini mengikut kemampuan dan keupayaan masing-masing

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, kita tahu kebelakangan ini Institutsi Pengajian Tinggi Awam ataupun Institutsi Pengajian Tinggi Swasta telah mengadakan twinning me program dengan universiti-universiti di luar. Dalam teinning program me ini kita

ada dasar di mana pelajar-pelajar belajar dua tahun di Malaysia selepas itu ke luar negeri setahun, dipanggil '2+1' kalau saya tidak silap. Apakah dasar kerajaan sekarang ini apabila kita tidak menggalakkan pelajar-pelajar ke luar negeri. Adakah kerajaan memberi kelonggaran kepada Institusi Pengajian Tinggi Swasta untuk menganjurkan kursus-kursus 3+0 dalam negara kita dan saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana saya difahamkan Institusi Pengajian Swastan masih lagi ragu-ragu dengan dasar '3+0' ini. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kita memang menggalakkan tindakan ke arah itu di mana kolej-kolej swasta yang bersesuaian yang mempunyai keperluan-keperluan seperti kemudahan asasnya tenaga pengajar dan juga keperluan-keperluan yang lain mengelolakan ataupun mengendalikan pengajian yang demikian dan sekiranya ada di kalangan kolej swasta ini tidak jelas samar-samar tentang perkara-perkara yang diperlukan ataupun program yang hendak dilaksanakan, mereka boleh berunding dengan Jabatan Pendidikan Tinggi Swasta dan boleh kita jelaskan pada ketika ini sudah mula ada beberapa buah kolej swasta yang mengemukakan permohonan dan kita sedang meneliti permohonan-permohonan ini.

IJN - PERUNTUKAN RAWATAN PERUBATAN PESAKIT

7. **Puan Faridah binti abu Hassan** minta Menteri Kesihatan menyatakan prestasi kewangan bagi pengendalian Insti Tut Jantung Negara (IJN) semenjak ditubuhkan beberapa tahun lalu. Tidakkah terdapat cadangan untuk menurunkan lagi kadar kos rawatan dan perundingan kesihatan di IJN bagi membantu golongan yang berpendapatan kecil.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M.

Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun peruntukkan khas disediakan oleh kerajaan untuk membiayai perbelanjaan rawatan perubatan bagi pesakit-pesakit tanggungan kerajaan di Institut Jantung Negara Sendirian Berhad atau IJNSB. Pesakit-pesakit tersebut terdiri daripada anggota kerajaan, pesara dan tanggungan mereka dan golongan pesakit miskin. Perbelanjaan yang telah dibuat sejak tahun 1992, IJNSB ditubuhkan hingga tahun 1997 adalah sejumlah RM191.3 juta dan anggaran peruntukan tahun 1998 ialah RM65 juta Di dalam tempoh

tersebut sejumlah 35,547 pesakit daripada golongan miskin telah mendapat rawatan percuma atau subsidise di IJNSB. Kadar kos rawatan dan perundingan kesihatan di IJNSB dikaji dari masa ke semasa untuk memastikan kadar yang dikenakan adalah munasabah. Pada tahun 1995 kadar caj di IJNSB telah dikaji semula dan cej bagi beberapa pembedahan telah dikurangkan.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Secara umum kita ketahui bahawa IJN ada nama yang baik, prestasinya memuaskan, di samping itu kita tahu hospital-hospita swasta juga mempunyai kepakaran dalam bidang ini. Saya ingin bertanya apakah pihak kementerian ingin atau merancang mengambil langkah proaktif untuk dijadikan Kuala Lumpur Malaysia sebagai pusat kecemerlangan Jantung sama dengan pusat kecemerlangan Pendidikan sebab saya kata begini kerana IJN mempunyai endorse trade mark daripada Perdana Menteri sendiri dan dia terkenal di seluruh dunia, ini adalah satu peluang untuk kita 'memasarkan' kepada negara-negara jiran dan negara-negara yang telah kita ada contact dan saya rasa perkongsian pintar di antara IJN, ini khususnya dan beberapa hospital swasta yang lain patut diwujudkan dan diambil inisiatif oleh pihak kerajaan, jika belum itu cadangan saya, terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat berkenaan itulah harapan kerajaan kita. Baru-baru ini di IJN kita ada heart transplant yang pertama kali, tiga-tiga pun ada success. Oleh itu banyak orang tahu, dengan tambahan kita pun ada dua kali Cordiology Centre ..satu di Johor Bharu, satu di Penang dan akan datang kita adakan di Sabah dan Sarawak. Oleh itu memang kita ada jalankan kerja-kerja ini dan kita ada cadangan akan datang satu masa kalau tidak ada keadaan kegawatam ekonomi memang kita ada perancangan di east coast.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, tetapi jawapan itu tadi tidak begitu tepat macam yang saya harapkan. Maksudnya kalau bermodalkan prestasi baik oleh Kementerian Kewangan di mana kita menggalakkan institusi kewangan merge dengan izin, ini maksud saya. Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, IJN menjadi satu private corporatise project memang mereka ada dengan pengarah-pengarah dan director, saya boleh sampaikan apa Yang Berhormat beritahu di sini. Mereka boleh ambil tindakan.

Dato' Eng Hoi Choo: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa Kementerian Kesihatan banyak beri peruntukan kepada IJN khususnya membantu orang-orang miskin mendapat rawatan dengan kos yang rendah, saya ingin menyalah sekiranya seseorang pesakit yang miskin dengan siapa kita boleh mohon untuk mengurangkan kos rawatan.

Dato' M. Mahalingam: Kos dengan pembayaran di hospital dengan orang miskin RM500 sahaja itu pun orang tak bayar, inilah jadi masalah. Oleh itu dia boleh minta dengan Pengarah Hospital kecualikan, memang banyak kes kita kecualikan sangat murah RM500 sahaja.

Dato' Eng Hoi Choo: Tuan Yang di-Pertua, kami memang menghadapilah banyak penyakit, ingin pergi ke IJN..

Tuan Yang di-Pertua: Sakit ke penyakit [*Ketawa*] .

Dato' Eng Hoi Choo: Sakit, minta maaf, minta rawatan IJN tetapi sebelum operasi, diminta kos yang terlampau tinggi dan jika tidak mampu, rawatan tidak diberikan atau ditangguhkan. Jadi kita selalu diminta untuk kurangkan kos. Jadi RM500 kalau RM500 ramai mampulah, Yang Berhormat boleh bayar tetapi setinggi RM50,000, RM30,000 itulah kos yang dikenakan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada kriteria bagi seorang pesakit mendapat subsidi, sama ada beri pengecualian sepenuhnya ataupun sebahagian daripada caj rawatan ataupun pembedahan adalah seperti berikut: pertama ia mestilah dirujuk daripada klinik atau hospital kerajaan yang akan menentukan kemampuan pesakit membayar melalui Pejabat Kebajikan Perubatan, hospital berkenaan bukan dia terus dengan IJN, memerlukan rujukan. Kedua, mengemukakan surat sokongan daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat iaitu laporan sosio ekonomi yang mengesahkan kemampuan pesakit dan keluarga

untuk membayar. Yang Berhormat bila pergi sana dia cakap, okay ini, memang dia minta kalau kita ada bagi ini semua memang dia ambil socio status kita dan kalau kita boleh bayar, kalau itu caj dengan operation itu-dekat RM10,000 kalau dia mampu bayar 20% juga memang dia kena 20% dengan RM10,000, itu yang caj kita jalankan dan mengikut giliran atau tarikh pembedahan yang akan atau telah ditetapkan oleh pihak IJN, tetapi orang pergi hospital dia terus cakap sekarang mahu. Tetapi menunggu dengan giliran mereka tidak mahu dan juga menerima rawatan dari wad kelas tiga. Dia minta dengan IJN kelas satu dengan percuma, tidak boleh dapat. Dan ini semua kita ada syarat-syarat, kalau semua ikut kita boleh dapat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' V.K.K. Teagarajan.

Dato' P. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No. 8.

**PROGRAM PEMBANGUNAN INSAN DAN KEKELUARGAAN-
STRATEGI BAGI PENDUDUK SEKTOR PERLADANGAN**

8. Dato' P. Krishnan [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan mengenai strategi untuk menyediakan program pembangunan insan dan kekeluargaan bagi penduduk daripada sektor perladang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan

Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Dato' V.K.K. Teagarajan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sentiasa mengambil berat dalam menyediakan Program Insan dan Keluarga Program tersebut adalah selaras dengan kehendak pelan induk, tindakan sosial negara untuk menangani masalah sosial dan bagi sektor perladangan satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bagi mengkaji strategi-strategi yang sesuai untuk keperluan menyelesaikan masalah sosial di ladang. Hasil kajian asas sosial ekonomi penduduk ladang memberi gambaran bahawa untuk menangani masalah-masalah yang berlaku satu pendekatan jangka pendek dan jangka panjang perlu diambil bagi menentukan bentuk program dan aktiviti yang sesuai dilaksanakan. Jawatankuasa khas ini angka ini telah merangka beberapa program dan aktiviti bagi tahun 1998 dan 1999, dengan mengadakan

krusus jurulatih utama untuk memberikan kemahiran keibubapaan kepada pekerja barisan hadapan serta para sukarelawan yang terdapat di sektor ladang. Dengan adanya jurulatih utama di negeri-negeri adalah diharapkan pengetahuan dan kemahiran keibubapaan dapat diperluaskan di ladang-ladang. Di samping itu jawatankuasa juga memperakukan kursus TASKA untuk mengasuh di ladang. Sepanjang tempoh 1999, sejumlah 20 kursus modul pembangunan keluarga berkualiti dan 30 kursus pengasuh TASKA akan diadakan. Hingga kini dua sesi kursus pembangunan keluarga berkualiti yang dikendalikan yang melibatkan 40 ibu bapa keturunan India dan 45 ibu bapa keturunan Melayu untuk memberi manfaat kepada peserta meningkatkan kesejahteraan hidup keluarga. Sekian, terima kasih.

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya mengikut strategi sekarang terhadap 2,960 ladang di negara ini, tindakan yang diambil oleh Kementerian atau Kerajaan tidak begitu sempurna. Pandangan saya bantuan yang diberikan tidak sampai kepada keluarga bagi penduduk di sektor perladangan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan tambahan.

N. Marimuthu: Ya, soalan tambahan. Apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian untuk menguruskan masa depan penduduk-penduduk sektor ladang.

Tuan G.Palanivel: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, program yang dikendalikan oleh kementerian ini ialah satu permulaan dan bila kita siap program ini pada tahun 1999 kita akan mengadakan lebih kurang 600 jurulatih utama dan 900 pengasuh Taska yang dilatih dengan sempurna oleh kementerian mengikut program-program kementerian dan dari sini kita boleh memperluaskan program kita kepada semua ladang-ladang di negara ini. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya pihak kerajaan adakah pihak kerajaan puas hati setakat ini dengan keadaan pekerja-pekerja, keluarga-keluarganya di ladang-ladang

yang 2,600 ini termasuklah Ladang Budu, Ladang Benta di daerah Kuala Lipis di mana pada masa saya dahulu di sana dari segi rumah, dari segi kedudukan dalam rumah tidaklah begitu memuaskan.

Jadi, soalan saya ialah adakah kerajaan puas hati setakat ini dengan keadaan keluarga yang duduk di rumah-rumah ladang yang berselerak di Malaysia?

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan di ladang-ladang ialah lantaran daripada keadaan sosio-ekonomi yang diwarisi turun-temurun. Tetapi ada tempat-tempat di ladang-ladang di mana kerajaan puas hati dengan situasinya dan ada tempat di mana keadaan itu bukan begitu baik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang amat penting untuk mempertahankan negara adalah soalan nombor 9. *[Ketawa]*

TENTERA DARAT, LAUT DAN UDARA - JUMLAH

. **Tuan Yim Chee Chong** minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah anggota tentera darat, tentera laut dan tentera udara yang bertugas mempertahankan tanah air kita.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah anggota Tentera Darat, Laut dan Udara yang bertugas mempertahankan tanah air adalah seramai 106,047 orang iaitu 98,658 orang Anggota Tetap dan 7,389 orang Anggota Sukarela (Kerahan). Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di sini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada tentera kita, laut, udara dan darat kerana tugas yang disumbangkan kepada negara. Soalan saya, dalam tentera-tentera ini berapakah kuota yang ditempatkan, kalau ada, kepada setiap kaum seperti kita ada kuota untuk memasuki universiti misalnya. Jadi, kalau kuota-kuota ini tidak dipenuhi, apa tindakan kerajaan untuk diambil, adakah kerajaan akan mengadakan dengan izin, national service ataupun khidmat nasional untuk negara ini supaya memperkuatkan lagi, sudah kuat tetapi perkuatkan lagi perpaduan dan kesetiaan kepada negara.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sistem kuota di Kementerian Pertahanan tidak ada bagi kaum-kaum untuk menyertai Angkatan Tentera Malaysia. Kita bukakan semua ini kepada semua pihak yang berminat. Saya mintalah Ahli Yang Berhormat juga tolong kempen sama, kami di Kementerian Pertahanan sedang sibuk berkempen dan pelbagai cara telah kita laksanakan melalui pelbagai bentuk dan cara untuk menggalakkan bukan sahaja pelbagai kaum menyertai tentera, malah kita lihat juga akhir-akhir ini jumlah yang berminat memasuki tentera agak berkurangan.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Adakah kerajaan kita mempunyai satu pasukan elit dalam tentera yang mana yang mempunyai kebolehan termasuk juga dalam pengurusan krisis, sebagai contoh.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, memang ada di ketiga perkhidmatan kita dalam Angkatan Tentera Malaysia contohnya di Tentera Laut ada Pasukan Paskal, di pasukan Darat ada Komando sebagai contohnya dan juga lain-lain pasukan yang dilatih khusus untuk petugas yang luar biasa seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Apakah kementerian mempunyai satu target jumlah tentera yang akan diambil dalam setiap tahun dan apakah kementerian berhasrat untuk memperkenalkan national service sepertimana yang saya rasa disebut oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, target kita untuk jangka panjang ialah untuk mempunyai anggota tetap sebanyak 80,000 orang menjelang tahun 2020, insya-Allah dan kita akan tambahkan anggota dengan cara mewujudkan lebih ramai anggota sukarela dengan kuota bagi satu anggota tetap dengan tiga anggota sukarela. Maknanya kita akan ada 80,000 tetap dan 240,000 anggota sukarela dalam tahun 2020 yang kita anggar cukup dan berpatutan untuk mempertahankan negara kita dalam jangka masa 20 tahun yang akan datang.

Untuk soalan yang kedua, setakat ini national service tak difikirkan sesuai dan kita hanya menggalakkan agar jumlah anggota sukarelawan itu dipertingkatkan yang mana kita fikirkan lebih sesuai, lebih termampu bagi kerajaan untuk mengendalikan, bagi memastikan pertahanan negara tetap dalam keadaan yang credible.

TRADE COMMISSIONER - FUNGSI DAN HASIL PENCAPAIAN

10. Dato' Ghazi bin Haji Ramli minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang, adakah pihak kementerian mengkaji semula fungsi dan tanggungjawab 'Trade Commissioner' Malaysia di seluruh dunia sama ada patut ditutup dan fungsi ini diletakkan di bawah Kementerian Luar Negeri sebagai salah satu bidang tugas

kedutaan. Apakah hasil pencapaian 'Trade Commissioner' ini sejak lima atau sepuluh tahun yang lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sentiasa menjalankan kajian dari masa ke semasa untuk menentukan kesesuaian dan keberkesanan Pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan ataupun 'Trade Commissioners' di seberang laut. Ianya juga dilakukan sebagai satu usaha untuk perbelanjaan berhemat serta keperluan mewujudkan pejabat-pejabat tersebut mengikut perubahan iklim perdagangan pelaburan dan pasaran dunia.

Persoalan untuk menutup Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan di seberang laut dan diletak di bawah Kementerian Luar Negeri tidak timbul sama sekali. Dalam keadaan kegawatan ekonomi negara sekarang, fungsi dan tanggungjawab Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan menjadi lebih penting dan patut dipergiatkan dalam usaha untuk meningkatkan lagi eksport negara.

Dari segi hasil dan pencapaian Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan seberang laut ianya boleh dilihat seperti berikut:-

- (i) dengan bantuan Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan di seberang laut, syarikat-syarikat Malaysia telah berjaya meningkatkan eksport ke pasaran tradisi, berjaya menerokai pasaran baru serta dapat mengeratkan jalinan hubungan perniagaan dengan pengimport-pengimport di negara berkenaan;
- (ii) dari tahun 1995 hingga 1997 syarikat-syarikat Malaysia yang menyertai pameran barangan Malaysia ataupun International Trade Fairs dan rombongan galakan perdagangan dan pelaburan anjuran MATRADE dan Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan di seberang laut telah berjaya

membuat jualan terus berjumlah RM61.6 juta dan jualan dalam rundingan sebanyak RM832.7 juta;

- (iii) laporan-laporan dan kajian-kajian pasaran yang disediakan oleh Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan telah membantu negara dalam mengadakan kaedah tertentu bagi membolehkan eksport negara menjadi lebih kompetitif di pasaran berkenaan; dan
- (iv) membantu syarikat-syarikat Malaysia untuk membuat pelaburan di luar negara terutamanya bertindak sebagai penghubung antara syarikat-syarikat swasta dan kerajaan di negara berkenaan.

Tuan Tee Thiong Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada keadaan ekonomi sekarang ini yang sangat memerlukan foreign direct investment ke negara kita, adakah kementerian mencadangkan untuk menghantar pegawai di kedua negeri untuk menggalakkan pelabur-pelabur dari negara asing kerana ini nampaknya satu jenis aktiviti macam mana kita boleh dapat foreign money ke negara kita dan juga adakah kementerian memandangkan suatu cadangan dan satu keputusan yang telah dibuat oleh pihak atasan iaitu pada masa sekarang menteri dan pegawai di 'discourage' ke luar negara, ini satu keputusan yang kita anggap tidak sesuai kerana kita mahu pelabur datang ke negara kita, kita patut keluar negara, tetapi kita jagalah kos yang kita belanjakan.

Ini adalah serupa macam kalau sebuah syarikat kita suruh salesman jangan buat telefon, kalau salesman tidak buat telefon kerana mahu menjimatkan kos, tak dapat businesslah. Terima kasih.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, salesman itu buat telefonkah ataupun buat panggilan telefon? Buat telefon maknanya manufacturing telephone. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Panggilanlah!

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Saya sengaja berseloroh sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang menggalakkan foreign direct investment (FDI) dan saya rasa bukan pegawai yang pergi, kalau Yang Berhormat baca dari surat khabar Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri sentiasa hampir setiap bulan pergi ke luar negara untuk menarik pelabur-pelabur. Baru-baru ini beliau telah pun pergi ke Amerika Syarikat untuk berjumpa dengan pelabur-pelabur ataupun bakal-bakal pelabur daripada the Silicon Valley di Amerika Syarikat dan pada hari ini juga pada pukul 2.00 petang tadi, beliau telah pun berlepas ke negara-negara Emiriyah Arab Bersatu, Arab Saudi dan sebagainya.

Kita bukan hantar pegawai tetapi kita hantar peringkat yang paling tinggi daripada kementerian untuk mencari pelabur-pelabur daripada seluruh negara dan langkah kerajaan untuk mengurangkan pemergian pegawai-pegawai ke luar negeri adalah dalam kegawatan ekonomi ini, tetapi ianya tidak marginalised, dengan izin, segala tindakan kerajaan untuk memastikan agar FDI dapat masuk ke dalam negara kita.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya pernah mengikuti beberapa misi perdagangan anjuran kementerian ini, tahniah dan terima kasih kerana dapat ikut serta dalam rombongan ini, cuma kalau boleh saya cadangkan tempat-tempat yang kita tinggal terutama mereka yang membayar secara persendirian biarlah hotel itu harganya berpatutan. Maksud saya sebagai contoh, baru-baru ini saya sebagai salah seorang peserta di dalam lawatan ke Amerika di mana sebuah hotel itu bayarannya US\$260. Wang kita masa itu RM1,000 tukarannya baru US\$238, sedangkan bayaran untuk satu malam bagi hotel penginapan kita tinggal itu US\$260.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya pada masa akan datang, kita ada pilihan biarlah bayarannya agak rendah kalau pun tidak five-star, saya ingat three-star pun boleh kita tinggal supaya wang tidak begitu banyak kita buang, walaupun

barangkali kita kata kita hendak jaga standard tetapi saya ingat yang penting, misi kita sampai. Terima kasih.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, itu merupakan satu cadangan, bukan soalan tambahan. Jadi, pihak kementerian akan mengkaji perkara yang tersebut.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sejauh manakah negara Islam berminat untuk membeli barang-barang keluaran Malaysia dan hubungan mereka dengan pelaburan Malaysia?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar daripada soalan asal, oleh kerana soalan asal berkenaan dengan ‘Trade Commissioners’ tetapi saya pernah menjawab di dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan jumlah dagangan antara negara-negara dalam Organisation of Islamic Countries (OIC), jumlah dagangan meningkat dari tahun ke setahun dan minat daripada negara-negara Islam untuk melabur di dalam negara Malaysia pun meningkat dari tahun demi tahun. Jadi, angkanya secara terperinci saya tidak ada, minta maaf. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 34 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1997) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. *[26 Mei 1998]*

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail menyambung ucapannya, tidak panjang lagi ya?

3.45 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Insya-Allah saya akan cuba pendekkan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada meminta supaya saya pendekkan setakat yang bolehlah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada tercicir cadangan berkenaan dengan peruntukan tambahan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu apabila kita mendengar penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi tempoh hari, beliau menyebut kerajaan seberapa yang boleh akan cuba menjimatkan perbelanjaan dan dalam masa yang sama kita tahu bahawa kerajaan telah mengambil dan melanjutkan tempoh perkhidmatan pekerja-pekerja yang telah bersara dan bilangannya begitu banyak. Kalau kita fikirkan dengan apa yang diterangkan untuk menjimatkan perbelanjaan, saya berpendapat mengambil orang yang bersara bekerja semula ini lebih melibatkan perbelanjaan yang banyak sebab, yang pertama, kena bayar pencennya selepas itu kita kena bayar pula gaji sekurang-kurangnya start macam mana gaji dia berhenti kerja itu, jadi campur kedua-dua itu perbelanjaan meningkat.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kerajaan melanjutkan tempoh persaraan macam Singapura buat. Daripada 55 tahun ke -60 tahun, apa salahnya kita ambil contoh yang baik. Orang-orang yang bekerja lama, yang berminat ini kita beri pilihan sama ada mereka hendak bersara awal ataupun boleh melanjutkan perkhidmatan sehingga umur 60 tahun. Apabila mereka ini memilih untuk dilanjutkan tetapi kalau hendak bersara awal, mereka tidak boleh diambil bekerja semula, kita kenakan syarat-syarat begitu. Dengan cara ini, saya rasa kerajaan dapat berjimat di samping dapat menggunakan kepakaran dan kemahiran yang ada pada mereka ini. Lebih baik daripada biar mereka bersara lepas itu employ mereka kembali, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan supaya kerajaan jangan menghalang pegawai-pegawai kerajaan yang berminat untuk menjurus di dalam bidang perniagaan. Mereka ini hendaklah diberi peluang untuk menjalani latihan, tidak ada gunanya kita membiarkan mereka terlibat di dalam sektor perkhidmatan awam sedangkan mereka tidak boleh menumpukan perhatian sepenuhnya. Mereka membuat dua pekerjaan, yang dapat gaji tetap pun terus bekerja, lepas itu kerja sambilan pun jalan juga. Ini merugikan dan bercanggah dari segi prinsip ataupun etika perkhidmatan awam.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbalik kepada Maksud B.25 – Kementerian Pertahanan. Tadi kita dengar Kementerian Pertahanan ini merupakan satu sektor yang amat penting. Kepentingan keselamatan negara adalah tanggungjawab semua rakyat. Oleh sebab itu, masalah kesedaran tentang mustahaknya pertahanan, keselamatan negara ini mesti diberi pendidikan di peringkat awal lagi. Di peringkat orang awam pula kita mesti menggalakkan mereka ini melibatkan diri di dalam badan-badan sukarela seperti pertahanan awam, RELA, dan sebagainya. Di peringkat sekolah pula, kita hendaklah menjurus kepada kurikulum supaya pelajar-pelajar ini daripada awal lagi mendapat didikan

bagaimana menjadi rakyat yang taat setia, yang mempunyai ketahanan diri, yang tahu selok-belok dari segi pertahanan.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah mengkaji semula kurikulum ataupun dasar yang ada di dalam Kementerian Pertahanan itu sendiri supaya sesuai dengan matlamat itu. Kita tidak perlu ramai bilangan tentera. Kita perlu kualitinya dan kita perlu alat kelengkapan yang lebih sophisticated, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini kita dapati ada negara-negara jiran yang mempunyai alat kelengkapan yang cukup canggih. Mereka boleh menembusi ruang udara kita, sempadan darat dan laut kita dengan cukup senang sekali. Oleh sebab itu Kementerian Pertahanan mempunyai tanggungjawab untuk memerhatikan supaya perkara-perkara ini diberi perhatian yang penting sebab tidak ada gunanya pembangunan yang begitu pesat sedangkan dari segi strategi pertahanan ada kalanya kita dapat dibolosi oleh pihak-pihak yang ada kemungkinan akan mengancam negara kita.

Saya ingin juga menyebut, Tuan Yang di-Pertua, supaya kelengkapan yang ada di bawah Kementerian Pertahanan ini – semasa kita menunggu berlakunya bencana ataupun ancaman, apa salahnya kita utilise, dengan izin, kita gunakan untuk keperluan semasa lebih-lebih lagi dalam keadaan kita menghadapi kegawatan ekonomi sekarang ini. Kita ada banyak lori, jentera berat dan sebagainya. Masa kita menghadapi krisis air mengapa kita tidak gunakan jentera-jentera askar ini. Masa kita menghadapi pendatang haram melalui laut dan udara, mengapa tidak kita gunakan kemudahan yang ada di dalam tentera ini. Oleh sebab itu janganlah kita beri perhatian kepada Bosnia, Kosovo dan sebagainya sedangkan masalah di sana tidak dapat kita selesaikan dengan cara muktamad. Biarlah tanggungjawab antarabangsa itu diberi perhatian oleh seluruh negara Islam, kalau benda itu terlibat dengan agama Islam, bukannya hanya Malaysia sahaja yang hendak tonjol sebagai juara. Saya tidak menghalang kerajaan daripada memberi sumbangan tetapi biarlah sumbangan itu sesuai dengan peranan kita. Beri keutamaan kepada masalah dalaman dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Maksud B.26 – Kementerian Pendidikan. Peruntukan tambahan diberi sebanyak RM39,818,633 dan memang seperti yang disebut tadi, peruntukan ini diberi kerana belanja telah dibuat untuk menampung perkara-perkara yang telah dibelanjakan. Apa yang saya ingin memberi perhatian kepada pihak kerajaan ialah tentang kurikulum dalam bidang jurusan agama. Sekarang ini di sekolah-sekolah rendah mahupun menengah kita tidak ada satu kurikulum yang tetap yang menjurus kepada kefahaman yang telah diselaraskan di seluruh negara iaitu pihak Kerajaan Pusat telah menentukan fahaman agama Islam kita ialah fahaman sunah waljamaah tetapi apa yang berlaku di peringkat tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan sebagainya ajaran-ajaran yang agak bebas mengikut amalan guru itu masing-masing. Ini tidak seharusnya berlaku. Kita mesti mengadakan suatu kurikulum yang mantap, sesuai dengan kehendak ajaran ahli sunah wal jamaah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengingatkan kerajaan tentang kemungkinan akan berlakunya perkara-perkara yang bercanggah dengan dasar kepentingan negara dengan membenarkan kemasukan pihak-pihak yang ghairah mengadakan pusat-pusat pengajian tinggi swasta ini. Sekarang ini kewujudan pusat-pusat pengajian tinggi swasta sama ada bertaraf universiti ataupun pusat pengajian

tinggi terlalu mudah sekali dan kita rasa terperanjat, tumbuh bagaikan cendawan. Saya bimbang kalau perkara ini tidak dikawal dan ada kemungkinan sukar diberi kawalan, maka akan berlakulah seperti mana di negara-negara luar yang akhirnya memesongkan prinsip ataupun dasar taat setia ataupun memberi satu keyakinan rakyat yang kita lahirkan, yang betul-betul beridentitikan Malaysia ini. Sebab saya katakan begitu, bila kita adakan pusat pengajian tinggi, bila kita benarkan twinning programme, kita terpaksa memasukkan pensyarah-pensyarah, pakar-pakar daripada luar yang mempunyai latar belakang pengaruh budaya yang pelbagai. Jadi, inilah satu jalan yang boleh mempengaruhi masyarakat pelajar-pelajar kita di pusat-pusat pengajian tinggi ini. Ini satu keadaan yang cukup bahaya dari segi jangka panjang. Oleh sebab itu, kerajaan tidak harus cuai dalam mengawasi dan mengawal pusat-pusat pengajian tinggi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengingatkan kerajaan dalam masa kerajaan ghairah menswastakan pendidikan tinggi ini, kerajaan juga mesti memastikan peluang untuk meneruskan pelajaran kepada pelajar-pelajar yang tidak mampu terutama sekali pelajar-pelajar yang miskin, yang datang daripada luar bandar. Sekarang ini kerajaan terlalu ghairah mewujudkan tabung pendidikan tinggi. Kerajaan telah mengumumkan peruntukan tambahan dan sebagainya tetapi dalam masa yang sama pelajar-pelajar daripada luar bandar yang mendapat kelulusan yang layak masuk universiti menghadapi masalah. Ini adalah satu test, satu percubaan. Keadaan menjadi gawat, mereka gelisah. Saya sendiri pergi ke kementerian. Saya bukan salahkan menteri, kita tidak salahkan dasar polisi yang baik tetapi keadaan berlaku begitu, kita tidak tahu di mana silapnya. Kalau perkara ini boleh berlaku di zaman kita melaungkan perkembangan sains dan teknologi, kemudahan itu dan ini, perkara yang seperti ini boleh berlaku, apa kesannya? Impaknya sudah menanamkan bibit-bibit rasa tidak puas hati terhadap pelajar-pelajar ini kepada kerajaan. Ini adalah merbahaya sebab mereka ini merupakan generasi yang akan membentuk dan membangunkan negara pada masa hadapan dan pengaruh mereka di pusat-pusat pengajian tinggi ini sangat penting diberi perhatian.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita mesti mencari jalan mengakui dan saya ucapkan tahniah kepada Dato' Seri Haji Mohd. Najib kerana sanggup mengakui kesilapan dan sanggup meminta maaf di atas perkara yang berlaku dan sanggup mengkaji semula pelajar-pelajar yang tidak terpilih masuk ke pusat pengajian tinggi ini. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan supaya Kementerian Pendidikan membanyakkan lagi pusat-pusat pengajian tinggi yang berasaskan pendidikan agama sebab kita tahu asas agama ini akan menentukan kualiti pelajar-pelajar yang berdisiplin, yang akhirnya memberi jaminan kepada perpaduan, kemajuan dan juga keselamatan negara ini.

Seterusnya, di bawah peruntukan B.34 iaitu Kementerian Kesihatan sebanyak RM18,573,641. Saya ingin menyarankan supaya kerajaan tidak begitu ghairah untuk menswastakan sektor perkhidmatan kesihatan ini yang melibatkan rakyat miskin. Sekarang ini bahagian-bahagian tertentu sudah pun diswastakan dan kita tahu harga-harga ubat dan rawatan di klinik-klinik swasta ini meningkat. Kadang-kadang doktor itu sendiri ataupun bahagian cashier itu sendiri, dengan izin, juruwang itu sendiri yang menentukan bila kita pergi dapat rawatan kepada doktor ini sekian banyak dia bubuh, bila dapat perkhidmatan x-ray kena bayar sekian banyak, bila kita panggil jururawat datang kalau yang masuk ke

klินิก swasta sekian banyak, yang akhirnya satu hari kita tengok pergi klinik-klinik tertentu kena bayar sekian banyak.

Jadi, ini kadang-kadang kita dapati pihak-pihak tertentu boleh mengeksploitasikan keadaan dan bebannya ialah dilonggok kepada pengguna-pengguna. Kalau keadaan begini bagaimanakah orang-orang yang tidak mampu ini boleh mendapat perkhidmatan rawatan kesihatan yang baik daripada klinik-klinik swasta. Oleh sebab itu, kementerian tidaklah boleh membiarkan pihak klinik swasta menjalankan perniagaan kesihatan dan pihak hospital kadang-kadang sudah ada kecenderungan kepada doktor tertentu yang diambil bekerja dengan pihak swasta secara sambil menulis surat menyuruh pesakit itu sendiri, kalau boleh pergi mendapatkan rawatan di klinik swasta sebab dia dipengaruhi oleh pemikiran komersial itu sendiri. Ini merbahaya dan biasanya rakyat yang ingin mendapat rawatan yang baik ini terpaksa pergi ke klinik-klinik ini, kalau tidak mereka menjadi mangsa. Pergi ke hospital mendapat Panadol dan rawatan yang kurang memuaskan. Oleh sebab itu perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan yang melibatkan rakyat miskin mesti dikekalkan dengan mengenakan bayaran yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan supaya Kementerian Kesihatan meningkatkan lagi taraf pusat-pusat kesihatan di luar bandar ini. Kalau dulu sebagai taraf klinik desa, pusat kesihatan yang kecil mesti dibesarkan, ditingkatkan supaya ada klinik gigi, ada bahagian x-ray, ada bahagian rawatan kepakaran tertentu. Kalau tidak boleh ada tiap-tiap hari pun memadai setakat jadualkan, dalam seminggu bahagian-bahagian kepakaran ini boleh mengadakan rawatan di pusat-pusat kesihatan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh di bawah B.36 iaitu Polis Diraja Malaysia yang mendapat peruntukan tambahan RM50,440,253. Saya amat bersetuju dengan penyusunan semula yang dibuat oleh Polis Diraja Malaysia ini tetapi apa yang saya ingin menyarankan di sini supaya pihak Polis Diraja Malaysia mengadakan skuad ataupun pasukan-pasukan petugas di bahagian kecemasan. Misalannya, sekarang ini tempat-tempat yang strategik, sensitif, yang banyak berlaku kecurian, yang banyak terdapat penagih dadah dan sebagainya, kita hendaklah menempatkan bilangan polis di dalam bahagian itu yang agak lebih banyak sedikit. Sekarang ini tidak seimbang, saya tidak tahulah, kadang-kadang ada tempat yang perlu ada pondok polis, perlu ada balai polis tetapi tidak ada. Oleh sebab itu penyusunan semula ini bukan hanya sekadar memberi peluang untuk kenaikan pangkat dari segi individu, ia juga mesti dilihat dari segi perkhidmatan yang boleh diberi mengikut kawasan dan juga daerah. Oleh sebab itu sudah sampai masanya pihak polis mengkaji penyusunan semula ini dari segi membanyakkan balai polis di tempat-tempat yang sensitif, yang mempunyai unsur keganasan. Misalannya, dalam akhbar pagi tadi beberapa pondok telefon telah dibakar. Kalau benda ini berlaku, tempat-tempat kemudahan awam ini boleh – ataupun berlaku yang kita sebut vandalisme kita biarkan begitu, maka orang mendapat anggapan seolah-olah di tempat kita ini terlalu banyak samseng, perkara-perkara yang melanggar undang-undang boleh terjadi.

Oleh sebab itu ini menjadi tugas polis dan kita percaya kalau kita ada bilangan polis yang sedikit, yang tidak mempunyai kemudahan, tidak diberi latihan dalaman, latihan fizikal yang cukup, tentulah mereka tidak sanggup menghadapi keadaan begini. Oleh sebab itu kita perlu banyakk

bilangan polis yang bertanggungjawab di dalam bahagian-bahagian narkotik, bahagian jenayah dan sebagainya, dan kita perlu beri tugas-tugas ini dengan cara yang adil. Sekarang ini apa yang kita dengar pihak polis ini sudah tentulah mereka tidak berani hendak melahirkan perasaan mereka, apa yang kita dengar ada rungutan bahawa polis-polis ini diberikan tugas secara yang tidak adil. Ada setengah-setengah polis yang terpaksa menjalankan tugas-tugas yang merbahaya bagaikan suatu penyiksaan. Ini satu keadaan yang kurang sihat yang akhirnya mereka ini boleh – orang kata, pendam di dalam hati dan tidak memberikan perkhidmatan yang baik untuk kepentingan negara dan perkhidmatan polis itu sendiri.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi saranan di sini berkenaan dengan Polis Diraja Malaysia ini supaya Polis Diraja Malaysia ini juga mengadakan pondok-pondok polis yang lebih kecil di kampung-kampung di penempatan-penempatan baru. Sekarang ini kita tengok, misalannya di rancangan FELDA, kadang-kadang tidak ada balai polis, dia terpaksa datang ke balai polis yang berhampiran di dalam bandar yang sudah diadakan beberapa lama. Kawasan-kawasan pembangunan baru, penempatan semula ini seelok-eloknya diwujudkan sekali dengan sekolah, pusat kesihatan dan begitu juga polis. Kalau polis ada sudah tentulah kita dapat mengawal di peringkat awal lagi penglibatan remaja-remaja dan gejala-gejala yang tidak sihat ini supaya agensi-agensi ini boleh memberi kerjasama.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh berkenaan dengan Maksud B.45 – Kementerian Sumber Manusia. Ini adalah satu kementerian yang bagi saya amat penting di dalam sebuah negara yang sedang membangun. Tadi semasa kita melawat di Taman Teknologi Malaysia, kita mendapat taklimat daripada ketuanya dan kami dapati maklumat-maklumat yang disampaikan itu adalah sangat penting. Oleh sebab itu apabila kita tanya soalan tadi, manfaat yang didapati oleh Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sumber Manusia melalui kemudahan dan kepakaran yang ada di Taman Teknologi Malaysia yang saya sebutkan tadi, saya rasa masih ada ruang yang boleh kita fully utilise, dengan izin.

Sekarang ini kita tengok, kita perhatikan Taman Teknologi Malaysia itu tidak digunakan. Dia mempunyai bahagian-bahagian yang melibatkan research & development – penyelidikan dan pembangunan. Dia melibatkan kemahiran dari segi menggunakan jentera dan kemahiran, dari segi membantu usahawan-usahawan yang mendirikan kilang-kilang franchise dan sebagainya. Oleh sebab itu kalau Taman Teknologi Malaysia ini dimanfaatkan oleh kementerian-kementerian yang terlibat – Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sumber Manusia ini, saya percaya penuh mereka boleh memberi kepakaran dengan kerjasama pihak-pihak swasta dalam memberi latihan kepada pekerja-pekerja terutama sekali pelajar-pelajar yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian/tinggi lepasan SPM ini.

Sekarang ini pelajar-pelajar ini menghadapi banyak masalah. Kalau kita biarkan mereka mencari jalan untuk menghadiri kursus dengan sendiri sahaja, sukar. Kita perlu organise, dengan izin, kita perlu ada satu agensi, satu badan yang menguruskan mereka, selepas itu membuat penentuan ke mana mereka ini hendak dihantar untuk mendapat latihan. Selepas itu ke mana pula mereka ini hendak

ditempatkan untuk bekerja. Sekarang ini kita biarkan keadaan itu berlaku dengan sendiri. Sebab ini menjadi masalah, pelajar-pelajar ini kadang-kadang terawang-awang, tidak tahu menuju ke mana sebab macam saya biasa sebut selalu kita tidak mahu pentadbiran kita sekarang ini menjurus ke arah nepotism. Kita lebih mirip kepada anak rakan-rakan, anak keluarga, orang-orang yang kita kenal lepas itu kita tolong hantar pergi kursus tetapi bagi orang yang tidak ada siapa, tidak ada kaitan ke mana mereka hendak pergi. Ini adalah satu perkembangan yang tidak sihat.

Kita tidak mahu berlaku seperti di Indonesia. Sekarang ini orang semakin mula menyedari apa yang berlaku, sebab kita tahu kekayaan di dunia ini adalah pemberian Allah S.W.T. Kita tidak mahu menjadikan dasar survival for the fittest, dengan izin, untuk terus menguasai perkembangan dunia sekarang ini. Kita mahu keadilan, keadilan itu penting. Ini adalah prinsip yang boleh mempertahankan sesebuah negara itu sama ada di dalam masyarakat orang-orang Islam ataupun bukan Islam. Sebab itu kita mestilah memberi perhatian yang khusus dari segi memberi latihan dan menggunakan tenaga kerja pelajar-pelajar ini. Sekarang ini masalah kekurangan pekerja begitu ketara sekali. Banyak kilang telah ditutup kerana tidak ada pekerja. Pekerja-pekerja yang terdiri daripada pendatang haram ini ataupun pekerja-pekerja yang telah mendapat pas pekerja dan sebagainya kita telah hantarkan mereka pulang. Jadi, baik di dalam sektor pembinaan mahu pun sektor pembuatan, dan kita telah menjuruskan supaya kita mewujudkan kilang-kilang yang menggunakan robot – banyak. Jadi sementara kita hendak sampai ke peringkat itu dalam masa yang sama kita tidak boleh membiarkan tenaga kerja yang ada, kita mesti carikan, guna sepenuh sebab mengikut pakar di Taman Teknologi Malaysia yang kita hadir tadi, aset yang paling besar sekali ialah tenaga yang ada di dalam dan tenaga ini mesti kita juruskan kepada perkara-perkara yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah hendak habis ini. Saya tahu kawan saya dok gelisah, iaitu B.47 – Kementerian Pengangkutan. Saya ingin sekali lagi menyebut masalah perkhidmatan pengangkutan awam masih belum selesai. Masalah ini semakin lama sudah tentu semakin menjadi kelam-kabut. Sekarang ini kita perlu melihat, satu, masalah ini semakin bertambah. Yang kedua, masalah ini bermusim. Misalannya masa musim cuti sekolah atau musim bila ada temasya – Commonwealth Games dan sebagainya. Ini perlu diberi perhatian, kita bukan boleh selesai masalah mengikut musim. Kita mesti ada suatu perancangan yang boleh selesai masalah dari masa ke semasa. Bukan bila timbul masalah baru memikirkan jalan mana hendak selesai, selepas itu baru kita jalankan percubaan yang kita hendak buat. Kita mesti rancang untuk jangka masa panjang.

Oleh sebab itu, pihak Kementerian Pengangkutan mestilah mengkaji semula dasar yang ada sekarang. Kita bersetuju dengan konsep mewujudkan konsortium tetapi pihak yang diberi tanggungjawab, diberi hak untuk menguruskan konsortium itu janganlah mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan dan menjadikan pekerja-pekerja ini sebagai pekerja-pekerja yang boleh ditindas. Sebab itulah dia tidak boleh memberi perkhidmatan yang baik.

Kita tahu banyak syarikat bas di negeri-negeri yang kurang maju macam di Perlis dan sebagainya tidak boleh menguruskan perkhidmatan pengangkutan awam ini dengan sebaiknya. Ini adalah disebabkan syarikat-syarikat ini tidak boleh mengatasi masalah kewangan, masalah pekerjaan dan

sebagainya. Kalau konsortium-konsortium ini diwujudkan mengikut wilayah, kemudian sistemnya dikaji semula dan difikirkan cara mana yang boleh diuruskan dengan sebaik-baiknya, insya-Allah masalah pengangkutan awam ini akan dapat dibaiki dan pihak kementerian juga mesti menimbangkan kadar bayaran tambang sekarang ini. Kadang-kadang perkara ini diberi alasan bahawa keadaan kegawatan ekonomi. Kita boleh beri alasan kegawatan ekonomi tetapi dalam masa yang sama cuba kita fikirkan kalau individu itu mendapat RM1,000 sebulan dalam keadaan wang sudah menurun, dengan RM1,000 itu dia hendak belanja anaknya ke sekolah, hendak beli makanan, hendak bayar bekalan elektrik, hendak bayar itu dan sebagainya, selepas itu kerajaan suruh pula menabung, suruh berjimat-cermat. Bagi orang yang mendapat sumber pendapatan melalui sumber yang lain memang boleh tetapi bagi orang yang mendapat pendapatan yang tetap dengan wang sebanyak itu mereka terpaksa menghadapi masalah yang cukup berat bagi mereka. Oleh sebab itu kerajaan kalau perlu mereka harus memberi subsidi kepada syarikat-syarikat ini supaya mereka tidak membebankan kepada rakyat.

Kementerian Pengangkutan juga, saya amat bersetuju tidak boleh mengenakan hukuman yang tinggi ataupun mengenakan kompaun. Misalannya daripada RM300 bila berlaku kesalahan jalan raya ditingkatkan kepada RM600. Saya tidak bersetuju sebab bukan jumlah kompaun hukuman yang tinggi itu boleh menghalang orang daripada membuat kesalahan lalu lintas. Kita mesti mendidik, kita mesti menunjukkan sikap kata, “Ini merbahaya”. Oleh sebab itu saya percaya pihak polis dan juga pihak penguatkuasa JPJ boleh mengenal pasti pemandu-pemandu jalan raya yang bersikap samseng ini sama ada pemilik-pemilik kenderaan ini pun, kita boleh identify orang-orang ini, kita kaji balik latar belakang, selepas itu kita boleh, dengan cara batalkan lesen dia, suruh dia hadir kursus. Kalau dia tidak hadir kursus, kita gantung sekian-sekian lama. Kalau denda dia bayar, lepas itu dia buat lagi, dia tidak selesaikan masalah. Begitu juga polis, tidak ada guna cuba membeli kamera itu, kamera ini, cuba tangkap lepas itu hantar banyak notis saman dan sebagainya. Ia tidak boleh selesai masalah.

Oleh sebab itu.....

Tuan Yim Chee Chong: Minta laluan ya. Adakah Yang Berhormat kena tangkap, adakah kena saman ekor pada masa yang lalu?

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Saya biasa kena tetapi saya bayar, kalau dia suruh bayar saya bayar tetapi saya sebut dekat dia, kalau buat lebuhraya, jalan elok-elok, kalau kita hendak ikut speed, polis sendiri pun tidak ikut speed, hakim pun tidak ikut speed. Bila nampak polis dia slowlah, lepas itu dia perderas, let's be frank, dengan izin. Sebab itu saya katakan ini adalah – orang kata apa, suatu keadaan yang tidak sebenarnya berlaku.

Oleh sebab itu kita kena naikkan had limit. Saya rasa bukan had limit yang terkawal – memandu dengan laju dengan keadaan yang berwaspada tidak merbahaya. Sekarang ini samseng, dia tidak mengikut peraturan. Oleh sebab itu kita kena cari jalan bagaimana cara hendak mendidik pemandu-pemandu atau pengguna jalan raya ini supaya menyedari keselamatan jalan raya ini bergantung kepada kebijaksanaan, kewaspadaan dan faham undang-undang jalan raya. Ini penting.

Sebab itulah peranan JPJ dan polis untuk mengenal pasti pesalah-pesalah yang repeated, dengan izin, yang mengulangi kesalahan itu kita boleh trace, kesan balik, kita kumpulkan semula, bawa

ke satu tempat. Bila tidak mahu hadir baru kita saman bawa pergi mahkamah. Saya ingat kalau buat macam itu kita boleh kenal pasti nombor-nombor kereta, kenderaan, tuan-tuan punya lesen dan sebagainya. Kita boleh buat followup, ini followup tidak ada. Setakat hantar saman lepas itu denda, kemudian lepas, mereka ini juga yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada yang akhir sekali iaitu B.51 Kementerian Luar Negeri....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada tiga minit sahaja lagi. Saya minta maaf ya, sebab sudah setengah jam.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ya, terima kasih. Saya cuba sudahkan. Kementerian Luar Negeri – saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Luar Negeri kerana sekarang ini mereka memainkan peranan. Macam sahabat saya Yang Berhormat Tuan Yim Che Chong sebut iaitu kita mesti mengamalkan dasar terbaik-baik. Kita tidak harus ada prasangka terhadap negara jiran sama ada Chinakah, Indiakah, fahaman ideologi komuniskah, Islamkah sebab manusia perlu kepada kehidupan yang adil, yang orang kata apa – sejagat, yang tidak ada syak-wasangka, baik sama ada Islam atau sebagainya. Sebab selama ini, macam Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong sebut tadi saya pun sendiri mula-mula terfikir juga, negeri China, dia tidak pernah melanggar orang, orang yang melanggar dia. Walaupun kita tahu, dia memang ada dari satu segi, cemburu, dia ada rahsia-rahsia dia sendiri, itu untuk kepentingan dia dan kita kena gunakan kelebihan dia itu untuk memajukan bangsa kita. Apa salahnya?

Jadi, dasar luar negeri sekarang ini saya rasa amat sesuai dan perlu diteruskan dan kita percaya penuh kalau kita lantik pegawai-pegawai yang bertanggungjawab yang boleh membantu negara kita, insya-Allah kita tidak ada masalah dengan negara kita. Kita tahu Singapura bagaimana, Filipina macam mana dan kita tahu negeri China macam mana, Thailand macam mana. Cumanya yang saya ingin peringat sedikit-sedikit ialah kadang-kadang kawan-kawan kita Thailand inilah, ada tempat yang dia lebih untung, dia biarkan benda itu berlaku, misalannya di sempadan Kedah dengan Perlis dan juga di Kelantan, di Perak dan sebagainya. Cubalah pihak kerajaan sama ada polis atau imigresen pergi melawat apa yang berlaku di situ. Saya tidak mahu sebut lebih daripada itu. Yang mana pihak yang lebih rugi, banyak perkara yang berlaku di seberang selepas itu balik semula ke sini, kemudian perkara itu dibawa-bawa. Dari segi duit pertukaran pun kita rugi, dari segi kegiatan maksiat, gejala sosial yang negatif pun dibawa balik, kita tidak boleh buat apa-apa. Ini satu perkara yang harus diambil tanggungjawab bersama. Kerajaan negara jiran pun bersama-sama dengan kerajaan kita. Dalam konteks ini kita tidak boleh bersembunyi-sembunyi lagi. Tidak ada masalah hendak jaga diplomatik dan sebagainya dalam masalah yang bercanggah dengan undang-undang. Ini harus diberi penekanan dan saya percaya memang ini, dari satu segi keselamatan, ada risikonya tetapi apa gunanya kita tidak menghadapi risiko sedangkan perkara itu merbahaya kepada negara.

Dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada masa lagi.

Timbalan Yang di -Pertua: Minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

4.15 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada yang pertama Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, yang kedua Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, yang ketiga Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, yang keempat Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu, yang kelima Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim, yang keenam Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, yang ketujuh Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang, yang kelapan Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin, yang kesembilan Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli, yang kesepuluh Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim, yang kesebelas Yang Berhormat Dato' Zainuddin bin Maidin, yang kedua belas Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baهران, ketiga belas Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno, yang keempat belas Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong, kelima belas Yang Berhormat Puan Hajah Selemiah binti Hashim, keenam belas Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam, yang ketujuh belas Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, kelapan belas Yang Berhormat Hajah Khadijah binti Haji Awang dan akhir sekali yang kesembilan belas Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail yang telah mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan rakan-rakan yang lain telah mengucapkan terima kasih kepada kebijaksanaan kerajaan yang telah tidak memanggil pulang pelajar-pelajar yang menuntut di luar negara di bawah tajaan kerajaan walaupun mengalami kegawatan ekonomi. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan sudah pun memutuskan tidak akan memanggil pulang pelajar tajaan kerajaan yang sedang melanjutkan pelajaran di luar negara sehingga pengajian mereka tamat. Ini adalah kerana kerajaan sedar bahawa pelajar-pelajar ini akan menghadapi masalah sekiranya dipanggil pulang dan menyambung pengajian mereka di dalam negara, seperti masalah pemindahan kredit dan kesesuaian kursus.

Keputusan yang dibuat oleh kerajaan sudah semestinya melegakan pelajar-pelajar dan mereka akan dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap pelajaran mereka. Dewasa ini terdapat 5,545 pelajar yang menuntut di luar negara di bawah tajaan kerajaan sama ada biasiswa ataupun pinjaman. Pelajar-pelajar tersebut seperti berikut:

Nama negara	Bilangan pelajar menuntut
United Kingdom	2,336
Jepun	1,047
Amerika Syarikat	689
Australia	604
India	185
Indonesia	150
New Zealand	153

Korea	140
Kanada	62
Jerman	67
Perancis	50
Mesir	43
Jordan	26
Pakistan	<u>13</u>

Jumlah: 5,543

Seperti yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar kepada Timbalan Menteri Pendidikan tadi, pecahan mengikut pengajian di luar negara adalah seperti berikut:

Pengajian	Bilangan pelajar menuntut
Kejuruteraan	2,791
Perubatan	1,326
Sains Sosial	835
Sains dan Teknologi	136
Pergigian	108
Farmasi	49

Tajaan swasta yang mengikuti pengajian di seberang laut di dalam rekod kerajaan adalah seramai 7,204 orang. Pada prinsipnya kerajaan masih berhasrat untuk terus mengadakan program penajaan pelajar-pelajar ke universiti-universiti terkemuka di United Kingdom dan di Amerika. Program ini akan diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan dengan agensi pelaksanaannya ialah JPA dan MARA. Ini untuk membolehkan pelajar-pelajar yang cemerlang menuntut di universiti yang cemerlang di luar negara dan pelaksanaan program ini juga akan bergantung kepada peruntukan kewangan kerajaan.

Berikutan daripada keputusan kerajaan untuk tidak menghantar pelajar-pelajar ke luar negara, JPA telah membatalkan pemergian 1,991 orang pelajar menyambung pelajaran ke luar negara dan sebaliknya menyerapkan ke IPTS dan IPTA dalam negara. Pada masa ini seramai 254 orang pelajar telah diserapkan ke IPTA, manakala bakinya seramai 1,697. Baru-baru ini saya dapat angka sebanyak 1,823 orang pelajar ini diserapkan secara berperingkat-peringkat dalam bulan Mei dan Oktober tahun ini, iaitu ke Uniten, Unitel, Universiti Teknologi Petronas dan IPTA.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah dan ramai lagi Yang Berhormat telah pun menyuarakan mengenai bilangan pelajar yang mendapat Pangkat Satu daripada SPM dan SPMV yang telah tidak dapat melanjutkan pelajaran ke IPT ini. Selain daripada itu, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga telah menanyakan adakah lonjakan bilangan begitu ramai mendapat Pangkat Satu disebabkan

pelajar yang betul-betul bijak atau kualiti pendidikan dan tahap piawaian telah menurun. Bagi menjawab persoalan ini, Pangkat prestasi pelajaran dalam peperiksaan umum termasuk SPM dan SPMV adalah kesan daripada usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan dan juga PIBG-PIBG di peringkat sekolah.

Program seperti Gerak Gempur Sains dan Matematik adalah merupakan satu usaha ke arah meningkatkan pencapaian pelajar. Program-program motivasi yang dianjurkan oleh Kementerian dan PIBG, kemudahan-kemudahan pengajaran dan pembelajaran serta pendidikan, dedikasi dan profesionalisme guru-guru juga memberi sumbangan kepada peningkatan pencapaian pelajar. Kesedaran semakin meningkat di kalangan ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan anak-anak juga adalah faktor utama yang mendorong peningkatan pencapaian pelajar. Pelajar-pelajar yang mendapat Pangkat Satu pada tahun ini adalah seramai 62,220 orang, manakala yang dapat memasuki pengajian tinggi hanyalah 36,279 orang sahaja.

Pemilihan memasuki universiti bergantung kepada beberapa kriteria. Antaranya pencapaian akademik yang baik, kombinasi mata pelajaran yang dimiliki oleh calon, Gred mata pelajaran untuk tujuan pengkhususan, lulus temuduga ataupun ujian kelayakan yang ditetapkan oleh sesebuah IPTA bagi program-program tertentu dan pencapaian dalam aktiviti kokurikulum. Oleh hal yang demikian, setengah pelajar-pelajar mendapat Gred Satu tidak semestinya diterima memasuki ke IPTA sekiranya tidak mengikuti kriteria-kriteria berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan dan rakan-rakan yang lain telah pun menanyakan mengenai kegagalan UPU dan JPT menguruskan kemasukan pelajar SPM, SPMV, STPM ke IPT. Pendedahan pihak akhbar telah menjejaskan imej Kementerian Pendidikan. Pada masa ini pihak UPU sedang meneliti kes-kes rayuan di peringkat pelajar-pelajar yang gagal memasuki IPTA. Pelajar cemerlang tetap diberi pertimbangan khas untuk memasuki IPTA. Pelajar-pelajar yang memenuhi kriteria seperti mendapat Gred yang baik dan kombinasi mata pelajaran yang saya katakan tadi akan diberi keutamaan. Pelajar-pelajar

Datuk Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Timbalan Yang di -Pertua: Yang Berhormat, ada minta laluan.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma mohon laluan, minta maaf terlajak sedikit tetapi saya ingat boleh gosan. *[Ketawa]* Ini mengenai ada daripada kalangan 62,000 pelajar yang mendapat Pangkat Satu dan yang layak cuma 26,000. Ada satu kes, saya cuma mohon penjelasan sebab disebut spesifik dengan mata pelajarannya, saya ingat ada ada satu kes di Sabah. Murid ini dapat 10 aggregate, sehingga hari ini tidak mendapat tempat. Kalau dikatakan tidak layak, saya ingat dia layak, termasuk Matematik dapat Dua, Sains pun dapat Tiga dan sebagainya. Jadi, sehingga hari ini tidak ada tempat baginya. Saya cuma ingin penjelasan bagaimana cara merayu supaya pelajar ini boleh masuk ke mana-mana pengajian tinggi yang dibolehkan?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Ini telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Sri Sarasa mengenai kadangkala pelajar-pelajar yang mendapat Gred yang tinggi tetapi tidak masuk oleh kerana ia dikatakan tadi pelajar-pelajar itu tidak ada kombinasi mata pelajarannya. Apa yang dilakukan

bukannya mismatch, tetapi apa yang dilakukan ialah jika seseorang itu memohon pendidikan ataupun perubatan, tetapi apabila dia tidak mendapatnya, dia akan dimasukkan ke farmasi. Jadi, di sini ada relevannya, kalau dia memohon perubatan ia dimasukkan kepada stream yang lain. Itu satu.

Yang keduanya, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi bahawa rayuan-rayuan boleh dibuat. Kalau misalnya orang-orang kampung yang selalu dikeluhi oleh Ahli Yang Berhormat, datang sendiri. Tetapi mengenai orang-orang di Sabah dan Sarawak kalau boleh nanti minta bantuan daripada Pejabat Pendidikan di Sabah dan Sarawak untuk menghantar fax ke mari, kalau mereka datang dari pedalaman untuk pergi ke Kota Kinabalu satu masalah dan daripada Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur satu lagi masalah. Jadi, kalau dapat kita menghantar fax mengenai perkara-perkara ini, sampai ke Kota Kinabalu ataupun sampai ke Sarawak dan dihantar ke UPU, saya rasa pihak kerajaan akan memberikan pertimbangan.

Pelajar-pelajar tidak diminta mengisi semula borang tetapi diminta menghantar salinan permohonan untuk semakan dan rujukan. Ini selalu yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan oleh kerana pada kali ini sebelum keputusan dibuat pelajar telah pun menghantar borang, selepas itu baru mendapat keputusan dan oleh itu diminta menghantar salinan permohonan untuk semakan dan rujukan. Namun demikian, terdapat pelajar yang tidak menyimpan salinan borang permohonan, dan untuk membantu mereka, bagi pihak UPU tetap membantu mereka dengan memberi borang untuk diisi semula maklumat-maklumat kritikal yang diperlukan seperti nama, kad pengenalan, angka giliran, alamat, keturunan, pilihan kursus dan sebagainya.

Pada masa ini, sesi akademik bermula pada pertengahan bulan Mei dan keputusan peperiksaan diumumkan pada minggu ketiga bulan Mac untuk STPM dan akhir Mac bagi SPM. Oleh itu, UPU hanya mempunyai satu setengah bulan sahaja untuk memproses permohonan berbanding dengan sistem lama di mana UPU mempunyai masa selama empat bulan bagi memproses borang permohonan kerana sesi universiti bermula dalam bulan Julai. Kementerian Pendidikan memang menyedari masalah-masalah yang timbul dengan pelaksanaan sistem sekarang. Namun demikian, Kementerian Pendidikan melalui UPU akan membuat post-mortem bagi mengenal pasti dan mengatasi masalah-masalah yang timbul.

Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan juga telah....

Datuk Haji Sairin bin Karno: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada minta laluan lagi.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperkara sahaja saya hendak tahu, ada beberapa sekolah di pedalaman yang memang ada pelajar-pelajar yang tidak disangka lulus tidak diminta untuk mengisi borang UPU. Bila keputusan keluar rupanya pelajar-pelajar yang tidak diberi peluang untuk mengisi borang UPU oleh sebab borang UPU itu terbatas mendapat kelulusan yang bagus. Bagaimana pula cara untuk membolehkan pelajar ini boleh memasuki di mana-mana institusi pengajian tinggi?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Perkara ini banyak berlaku, di kawasan saya pun begitu kerana pada hemat mereka dan ibu bapa bahawa anak-anaknya tidak akan lulus peperiksaan dengan cemerlang. Tetapi apabila lulus peperiksaan cemerlang, masa tempoh itu telah berlalu. Saya

menyatakan kepada mereka bahawa kalau misalnya perkara-perkara ini berlaku, bukan sahaja IPTA, IPTS, kita ada juga institusi-institusi yang lain seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia tadi di kawasan-kawasan yang lain yang boleh kita terokai daripada mencari dari segi akademik sahaja, tetapi kita boleh pergi ke ruang profesional yang rata-rata akan memasuki sesi awalnya pada bulan Julai. Jadi, ada masa lagi.

Puan Kamilia binti Ibrahim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di -Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Puan Kamilia mahu minta laluan.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sebab saya rasa tidak puas hati dengan kecemerlangan yang dikatakan dicapai oleh penuntut-penuntut. Jikalau ramai yang mengatakan ada yang tidak mengisi borang sebab tidak menyangka mendapat keputusan yang cemerlang, tentu sekalilah ini adalah berasaskan keputusan dan prestasi semasa Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima. Jadi, saya masih mempersoalkan bagaimanakah begitu ramai yang mendapat Gred Satu. Adakah salah satu sebabnya cara penilaian untuk mendapat Gred Satu, Gred Dua atau Gred Tiga itu adalah mengikut grouping subjek-subjek yang ditentukan. Kerana kadangkala mungkin dia dapat tiga Sains subject dimasuk satu grouping, kalau dapat Satu A, maka ianya akan memberikan grading yang tinggi bagi seseorang penuntut itu. Mungkin Kementerian Pendidikan agaknya perlu memberi penjelasan sedikit.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Saya telah pun menyemak separuh daripada keputusan-keputusan yang cemerlang dan bukan cemerlang. Kebanyakan ada yang begitu cemerlang dalam satu-satu bahagian, tetapi apabila core subject dia fail, dia terus fail. Ada anak rakan saya, peringkat SPM sahaja, subjek lain semua A, bahasa Inggeris dia lemah, fasal di rumah dia bercakap bahasa German, bahasa German lebih kurang bahasa Jawa. Jadi, dia fail. Jadi, ini masalah yang kita hadapi. Kalau misalnya kita lihat bahawa seseorang cemerlang, tetapi kalau core subjectnya jatuh, dia akan fail. Kita rasakan seperti mana Yang Berhormat Dato' Aziz telah pun bangkitkan bukanlah kerana piawaian Kementerian Pendidikan itu rendah, tetapi saya rasakan kesedaran anak-anak dan juga kesedaran ibu bapa terhadap anak-anak mereka untuk melangkaui alaf baru akan datang perlukan kepada sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi hari itu ialah a learned society, iaitu masyarakat yang berilmu.

Projek rintis sekolah bestari yang melibatkan 90 buah sekolah bandar dan luar bandar akan bermula pada tahun 1999. Pelaksanaan secara berperingkat akan dilakukan sehingga semua sekolah melaksanakan konsep sekolah bestari ini. Antara kawasan luar bandar yang mendapatkan kemudahan sekolah bestari termasuklah kawasan Baling, Sabak Bernam, Banting, Kuala Kubu Baru, Rembau, Bahau, Kuala Berang, Sipitang, Tenom, Mukah dan Saratok. Jadi, seperti mana yang dikatakan oleh Dato' Ghazi supaya kalau dapat kita kecilkan sekolah tetapi kita besarkan peruntukan supaya kita dapat menumpu dan fokus kepada satu-satu sekolah itu dan menjadikan role model kepada yang lain. Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah pun mengatakan oleh kerana peruntukan itu telah pun dikurangkan sedikit, jadi kita tidak dapat mengadakan PC di tiap-tiap darjah, tetapi apa yang kita akan adakan ialah PC dan makmal. Jadi, ini dapat diubahsuai dengan keadaan yang ada.

Kementerian Pendidikan juga tidak mengiktiraf jabatan majalah tersebut. Ini mengenai apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Aziz dan juga Dato' Ghazi dan Menteri telah pun menjawab bahawa *Asiaweek* yang telah ditunjukkan itu bukan menjadi satu ukuran, kerana kita ada Lembaga Akreditasi Negara (LAN) yang akan membuat secara keseluruhan akreditasi-akreditasi kepada IPTA dan IPTS di negara kita. Walau bagaimanapun, saya setuju saranan Dato' Ghazi bahawa ini adalah merupakan the other side of the story yang patut kita jadikan ia sebagai benchmark kepada kemajuan pendidikan kita yang akan datang.

Mengenai penjualan kertas peperiksaan SPM, ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim tentang profesion dan etika guru-guru. Jadi, ini merupakan kes yang terpencil dan tidak patut dikaitkan dengan etika dan kewibawaan guru-guru. Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menjaga keselamatan kertas peperiksaan berkenaan. Semua pihak yang telah bertanggungjawab dikehendaki menandatangani Akta Rahsia Rasmi. Jadi, kita berharap di masa akan datang dapat kita buat flowchart dan kita melihat di mana kertas-kertas soalan itu akan berada dan tiap-tiap orang yang menerimanya akan menandatangani kertas-kertas itu supaya dapat diakui dan sebelum itu mereka perlulah mengangkat sumpah dan sebagainya untuk menyatakan bahawa mereka taat kepada rahsia kerajaan.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, tentang masalah kebocoran kertas soalan peperiksaan SPM dan lain-lain, saya kira ini bukan satu perkara yang kecil walaupun yang terlibat beberapa orang, tetapi implikasinya kepada anak-anak sekolah kita dan keyakinan mereka terhadap kerajaan. Sekarang ini satu lagi implikasi di atas tindakan UPU di mana kali pertama mereka hendak minta khidmat kerajaan, berlakulah berbagai-bagai kerenah dan menyusahkan orang ramai. Saya berterima kasih kepada akhbar yang meng'highlight'kan perkara ini yang melibatkan sengsaranya orang ramai buat kali pertama bila cuba diperkenalkan Infoline ini. Saya rasa walaupun soal ini kecil tetapi implikasinya kepada rakyat jelata sungguh menyusahkan dan menyukarkan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kita pun sedar implikasi ini. Kita hendakkan kalau boleh Lembaga Peperiksaan kita bertaraf dunia (world class) dan kita akan dari masa ke semasa cuba membaikinya. Kita berharap apa yang telah berlaku akan menjadi iktibar kepada kita di masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Aziz juga minta Kementerian Pendidikan mengkaji cara bayaran yuran pendaftaran pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan di IPT. Ini telah pun dibangkitkan oleh hampir semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan perasaan ini. Kementerian Pendidikan telah meminta semua IPTA membenarkan bayaran yuran dibuat secara ansuran bagi pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan. Bagi IPTS, semasa mendaftar di Universiti Teknologi Malaysia, pelajar-pelajar baru yang kurang berkemampuan diminta membayar yuran pendaftaran sebanyak RM500 sahaja. Jumlah yuran dianggarkan RM800 bagi kursus-kursus prauniversiti. Pelajar-pelajar baru Universiti Tenaga Nasional yang kurang berkemampuan diminta membayar yuran pendaftaran sebanyak RM801, jumlah yuran RM10,000 ke RM12,000 setahun bergantung kepada kursus yang diikuti. Pelajar-pelajar

baru Universiti Petronas yang kurang berkemampuan untuk membayar yuran pendaftaran sebanyak RM2,562, jumlah yuran RM8,000 ke RM10,000 setahun bergantung kepada kursus yang diikuti.

Pelajar-pelajar dibenarkan membuat bayaran secara ansuran mengikut masa yang ditetapkan untuk menjelaskan yuran-yuran yang lain, yuran tahunan pengajian, penginapan, insurans dan sebagainya. Ini telah pun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang mengatakan di luar negara jika seorang itu tidak membayar yuran, maka keputusan peperiksaannya tidak akan diberi. Ini juga akan dibuat dan telah pun dibuat oleh IPTA untuk memberikan nafas kepada anak-anak kita supaya dapat dia belajar mengambil peperiksaan dan di samping itu membayar yuran secara instalment.

Yang Berhormat Puan Sri Sarasa telah pun membangkitkan mengenai IPT dan UPU yang telah pun diperkatakan. Seperti mana saya katakan tadi mereka bukannya mismatch, tetapi akan diberi kursus yang mirip kepada apa yang telah mereka perolehi.

Juga ramai daripada kita minta penjelasan mengenai KUB yang akan menguruskan kemasukan pelajar ke IPTS. Pihak KUB akan mengendalikan calon-calon yang berkelayakan tetapi tidak dapat ditempatkan ke IPTA. Calon-calon tersebut akan ditempatkan di IPTS yang bersesuaian dengan kelayakan calon. Buat masa ini pihak KUB belum memohon untuk mendapatkan nama-nama pelajar yang gagal ke IPTA dari UPU. Pihak UPU sedang meneliti kes-kes rayuan daripada calon yang gagal ke IPTA.

Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno juga telah memintakan supaya dapat dibina sekolah berasrama penuh di kawasan Tenom dan Keningau dan juga memohon bina asrama desa di kawasan Tenom dan Keningau ini. Kementerian Pendidikan telah membina tiga sekolah berasrama penuh di negeri Sabah, iaitu Sekolah Menengah Sains Kota Kinabalu, Sekolah Menengah Sains Lahat Datu dan Sekolah Menengah Sains Wilayah Persekutuan Labuan. Di samping itu, pelajar-pelajar yang cemerlang di Sabah di bawah program integrasi nasional ditempatkan juga di sekolah-sekolah berasrama penuh di Semenanjung. Program ini dikelolakan oleh Yayasan Sabah.

Kementerian Pendidikan memang sedar akan keperluan asrama desa di kawasan-kawasan Tenom dan Keningau kerana pada masa ini hanya terdapat empat buah sekolah sahaja yang menyediakan kemudahan asrama di kawasan tersebut. Namun begitu, buat masa ini semua cadangan membangunkan yang baru ditangguhkan sehingga keadaan ekonomi kita akan diizinkan. Ini telah pun diakui oleh Yang Berhormat Datuk Haji Sairin sendiri.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga tadi telah membangkitkan mengenai ketidakupayaan pelajar-pelajar di desa untuk melanjutkan pelajaran. Kita telah pun menubuhkan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Ini telah pun dijawab oleh Timbalan Menteri baru-baru ini. Tabung ini telah diwujudkan dan pada mulanya ia beroperasi pada tahun 1997 yang telah menawarkan pinjaman kepada kumpulan pertama pelajar-pelajar seramai 9,091 orang. Setiap pelajar menerima pinjaman sebanyak RM1,500 setahun bagi pelajar di IPTA dan RM4,000 bagi pelajar di IPTS bergantung kepada kursus. Amaun penjanaan ini agak rendah kerana Lembaga Pengurusan Tabung terpaksa mengagihkan peruntukan yang terhad hanya RM100 juta kepada jumlah pemohon yang ramai dalam tahun ini. Walau

bagaimanapun, peruntukan tambahan telah pun diperuntukkan sebanyak RM205.3 juta untuk diagihkan kepada penuntut-penuntut berkeelayakan untuk tahun ini.

Walaupun tabung ini telah diwujudkan, Kabinet telah memutuskan bahawa ia tidak akan diambil alih fungsi pemberian pinjaman pelajar yang dikendalikan oleh JPA dan MARA kerana ini akan merangkumi tajaan agensi-agensi berkenaan. Jadi, ini merupakan complementarity penambahan kepada tabung-tabung yang sedia ada.

Yang Berhormat Puan Kamelia juga mencadangkan supaya JPA menubuhkan satu tabung khas untuk menerima sumbangan dari bekas-bekas pelajar JPA yang pernah menerima biasiswa. Buat kali ini, pada masa ini JPA mempunyai dua bentuk penajaan, iaitu biasiswa dan pinjaman. Jadi, pemegang biasiswa disyaratkan berkhidmat dengan kerajaan untuk satu tempoh yang tertentu, manakala pemegang pinjaman pula dikehendaki membayar balik pinjaman pelajaran yang telah mereka ambil. Mengikut peraturan sekarang JPA tidak akan mengakaunkan sumbangan daripada bekas pelajar tajaan untuk dimasukkan ke dalam peruntukan biasiswa atau tabung pinjaman yang sedia ada. Oleh itu, cadangan supaya diwujudkan satu tabung khas bagi menerima sumbangan dari bekas pelajar tajaan JPA dan pihak-pihak lain adalah satu cadangan yang baik dan akan diteliti oleh kerajaan.

Mengenai tenaga mahir yang telah dibangkitkan oleh ramai daripada Ahli Yang Berhormat, suka saya nyatakan di sini dalam Rancangan Malaysia Ketujuh output tenaga mahir institusi latihan awam dan swasta tahun 1996 sehingga 2000 adalah ramai kerana kita telah pun mengadakan sembilan Institusi Latihan dan Perindustrian (ILP), SIAS - 1, sekolah vokasional - 49, Kementerian Pendidikan dan enam Kementerian Belia dan Sukan; Institut Kemahiran Belia Negara dan satu Pusat Latihan Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan. Bagi Kementerian Pembangunan Usahawan kita ada Institut Kemahiran MARA - 11 dan Pusat Giat MARA - 120.

Mengenai tabung Tabung HIVC, jumlah pekerja yang diluluskan untuk menjalani latihan sejak Julai 1993 hingga 30 April 1998 ialah sebanyak 1,838,312 orang. Jumlah bantuan kewangan yang telah diluluskan sejak Julai 1993 hingga 30 April 1998 ialah sebanyak RM500,369,280. Jadi, seperti mana yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan masalah ini, kita ada peruntukan RM2.2 juta untuk kita memastikan supaya tenaga pekerja yang keluar dapat mengambil latihan, dan selepas ekonomi kita bagus supaya dapat mereka dipertingkatkan skill mereka, dengan izin.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga minta penjelasan kenapa kerajaan perlu peruntukan tambahan sedangkan KTMB telah diswastakan, dan penetapan bayaran operasi kepada KTM bagi perkhidmatan sosial telah tidak menguntungkan. Daripada keputusan Jawatankuasa Mesyuarat Pembangunan Negara (JMPN) pada 30 Ogos 1997 perkhidmatan sosial yang tidak ekonomik ketika ini ialah perkhidmatan penumpang seperti cawangan Kedah, dari Stesen Butterworth, Pulau Pinang ke Arau, Perlis. Cawangan ini yang merugikan. Cawangan Stesen Teluk Intan, dari Stesen Ipoh ke Teluk Intan dan cawangan Pantai Timur, dari Gemas, Negeri Sembilan ke Tumpat, Kelantan.

Daripada tiga perkhidmatan, dua perkhidmatan tidak ekonomik itu, iaitu cawangan Kedah dan Teluk Intan telah diberhentikan dengan persetujuan Kementerian Pengangkutan dan kerajaan-kerajaan

negeri setelah jalan raya alternatif disediakan di kawasan-kawasan tersebut. Oleh itu, permohonan kerajaan untuk mendapatkan peruntukan tambahan tidak dapat dielakkan.

Mengenai MoU yang banyak telah diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat, apabila ada rombongan-rombongan yang diketuai delegasi tersebut oleh Perdana Menteri kita, ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, sebanyak 171 memorandum persefahaman atau MoU telah ditandatangani di antara ahli perniagaan Malaysia dan rakan-rakan di luar negara semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke luar negara dari tahun 1993 hingga 1997. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari jumlah 171 MoU yang ditandatangani didapati sebanyak 122 telah atau sedang dilaksanakan dan bakinya sebanyak 49 tidak dapat dilaksanakan.

Antara sebab-sebab MoU tidak dapat dilaksanakan ialah:

- (i) projek didapati tidak berdaya maju (viable) setelah kajian kemungkinan dijalankan;
- (ii) menghadapi pelbagai masalah dalam rundingan dengan rakan usahasama asing;
- (iii) masalah mendapatkan sumber kewangan bagi membiayai projek tersebut;
- (iv) pelaksanaan program penswastaaan di negara rakan usahasama yang menyebabkan projek yang dicadangkan tidak dapat diteruskan;
- (v) kekurangan kemudahan infrastruktur;
- (vi) kesukaran birokrasi untuk mendapatkan lesen dan kelulusan permit satu projek; dan
- (vii) isu berkaitan dengan pemilikan dan penggunaan tanah di negara asing.

Jadi, oleh kerana itu, walaupun MoU banyak dimeterai, tetapi perjalanannya agak kurang.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan rakan-rakan yang lain telah juga menanyakan mengenai ketelusan Suruhanjaya Sekuriti dan di antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti adalah memastikan tahap ketelusan yang tinggi di kalangan syarikat-syarikat yang tersenarai iaitu dari segi penyebaran maklumat yang mencukupi dan tempat berhubung dengan aktiviti-aktiviti dan operasi syarikat kepada para pelabur dan pemegang saham agar mereka dapat membuat keputusan pelaburan mereka.

Di samping ini, para pengarah syarikat tersenarai dikehendaki memainkan peranan yang lebih bertanggungjawab dari segi corporate governance iaitu berlandaskan unsur-unsur pest practices, dengan izin, agar kepentingan semua pemegang saham terpelihara. Usaha ke arah pelaksanaan pest practices ini dijangka akan dikeluarkan pada setengah tahun kedua 1998.

Pada amnya Suruhanjaya Sekuriti juga menggalakkan penggabungan ataupun percantuman syarikat-syarikat di dalam industri dan sektor yang sama bagi mengukuhkan lagi kedudukan kewangan dan operasi mereka. Pihak Suruhanjaya Sekuriti juga dari masa ke semasa mengkaji dan menyemak polisi-

polisi yang ada dengan mengambil kira keperluan pasaran iaitu dari segi keperluan modal, dana dan daya maju perniagaan. Ini adalah tambahan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sebelum ini iaitu berhubung sektor-sektor dalam keutamaan ataupun priority sectors yang diklasifikasikan sebagai sektor produktif.

Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli telah membangkitkan masalah Syarikat Pengurusan Aset (SPA) ditubuhkan dan hari ini pun keluar dalam akhbar bahawa kita telah pun menubuhkan SPA ini ataupun Syarikat Pengurusan Aset untuk mengambil alih pinjaman yang tidak berbayar serta aset yang ditanggung oleh institusi perbankan tempatan sekarang dan regulasi dan prosedurnya sedang diusahakan dan pihak swasta kita minta akan mengambil bahagian dalam SPA ini.

Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong dan rakan-rakannya yang lain juga telah pun menanyakan dan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana tidak akur kepada IMF, kalau kita lihat IMF di negara-negara jiran telah teruk dilanda kegawatan bukan sahaja dari segi ekonominya tetapi juga dari segi politiknya. Ini yang telah dikatakan oleh seorang ahli falsafah mengatakan, dengan izin, *political stability is the prerequisite of economic stability*.

Jadi, oleh kerana itu IMF selalu mengucapkan tahniah kepada kita kerana kita telah banyak membuat peraturan-peraturan, tiga kali Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah menyatakan apakah peraturan-peraturan yang kita buat di Dewan Rakyat dan IMF juga telah pun memberikan ucapan tahniah bukan sahaja setakat itu, Bank Dunia dan juga Bank Asia, Asian Development Bank telah juga mengucapkan tahniah kepada kita kerana kita berhemat dalam membelanjakan urusan kewangan kita.

Isu Palestine yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan rakan-rakan lain kita ketahui bahawa Malaysia sebagai anggota tetap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) dan juga Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) adalah sebuah negara

yang lantang menyuarakan di arena antarabangsa dalam membantu Pertubuhan Pembebasan Palestine (PLO) mendapatkan semula wilayah-wilayah yang dirampas oleh pihak Israel termasuklah Baitulmaqdis.

Malaysia menyokong penuh perjanjian-perjanjian dan komitmen-komitmen seperti yang dipersetujui di Persidangan Madrid 1991, Oslo dan perjanjian-perjanjian yang ditandatangani di Washington pada 13 September 1993 di antara Presiden Yasser Arafat dan mendiang Perdana Menteri Israel Yitzak Rabin. Dalam hal ini, Malaysia akan terus menyuarakan bantahan terhadap usaha-usaha regim Israel, pemimpin Benjamin Netanyahu untuk membina perkampungan ataupun settlement/penempatan baru dan tidak mahu berundur dari wilayah yang Israel duduki.

Jadi, kita berharap dengan adanya kekuatan OIC dan kekuatan yang lain di mana Malaysia memainkan peranan, kita berharap dapat kita menyuarakan hasrat negara kita dan hasrat negara-negara jiran serta OIC dalam mempertahankan isu Palestine ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal tahun lepas pun beliau telah memberikan perhatian penuh kepada Kementerian Pertahanan terutama tentang hendak membeli submarine sekarang ini frigate dan sebagainya, saya mengucapkan terima kasih kerana banyak teguran-teguran itu telah pun diambil ingatan dan panduan oleh kementerian.

Mengenai pembinaan kapal frigate supaya Yang Berhormat telah menyatakan supaya kita berhati-hati membuat penerimaan akhir, jadi, kerajaan menyambut baik keprihatinan Yang Berhormat berhubung pembinaan kapal frigate ini dan pihak kerajaan akan amat berhati-hati sebelum membuat penerimaan akhir dan segala ujian dan jaminan yang perlu akan dilaksanakan sebelum kapal frigate itu diterima dan dibawa pulang ke tanah air kita dan langkah-langkah yang diambil seperti berikut:-

- (i) jaminan pemasangan ataupun 'guarantee defect' oleh pembuat akan kita lihat;
- (ii) perolehan peralatan dinilai oleh team penilai sebelum diterima dan kita akan cuba membuatnya dengan cara yang teliti;
- (iii) kita akan juga menghantar pegawai-pegawai kita sebagai maintenance iaitu supaya dapat kita belajar, berkursus supaya alatan itu apabila rosak dapat kita baiki sendiri dan kursus itu akan diadakan dari masa ke semasa kepada pegawai-pegawai kita di kilang pembuat dan di kolej yang berkenaan.

Ramai yang telah menyuarakan mengenai bomba dan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang ini Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia memperolehi jentera canggih seperti jentera tangga, cakera putar atau turn table ladder yang dapat mencapai ketinggian maksimum 45 meter atau 15 tingkat, tetapi Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal duduk di tingkat 25 ya? *[Ketawa]*

Bagi bangunan yang mempunyai ketinggian yang melebihi 45 meter, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mensyaratkan supaya bangunan tersebut dilengkapi dengan sistem perlindungan kebakaran tersendiri, ini yang dikatakan 'intelligent building', sistem penyembur air automatik, sistem pelepasan asap automatik, sistem pancur basah, alat-alat pengesan kebakaran automatik, smoke and heat detector.

Selain daripada itu, bangunan tersebut perlu mempunyai sambungan sistem amaran kebakaran berkomputer (CMS) ke balai-balai yang berhampiran.

Jadi, bagi tujuan pelepasan dan menyelamatkan diri penghuni-penghuni bangunan-bangunan tinggi, bangunan yang melebihi 19.3 meter tinggi disyaratkan

mempunyai sekurang-kurangnya dua tangga keselamatan yang terkepong dari ancaman kebakaran.

Walaupun bagaimanapun, teknologi terbaru telah pun diperkenalkan penggunaan lif bomba yang direkabentuk khas untuk tujuan pelepasan diri seperti di Bangunan KLCC.

Untuk masa akan datang Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bercadang untuk membeli beberapa buah helikopter untuk tujuan memadamkan kebakaran dan menyelamatkan mangsa yang terperangkap di bangunan-bangunan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, ramai yang telah menyatakan mengenai perkhidmatan ahli bomba kita di luar negara dan dalam hal ini jabatan telah pun juga mencadangkan satu elaun yang dinamakan elaun operasi khas di luar negara diberikan kepada semua pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat yang telah bertugas untuk membantu pihak berkuasa Indonesia untuk memadamkan kebakaran hutan di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia.

Ini juga telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa secara ringkasnya bilangan pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang telah dan akan bertugas untuk membantu pihak berkuasa Indonesia untuk memadamkan kebakaran hutan di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia dan baru-baru ini di Sabah dan Sarawak. Bilangan yang telah pergi ke Sumatera ialah seramai 1,028 orang, bilangan yang telah pergi ke Kalimantan - 182 orang, bilangan yang telah pergi juga ke Sumatera buat kali kedua seramai 800 orang dan bilangan yang pergi ke Kalimantan kali kedua seramai 500 orang. Jadi, jumlah keseluruhannya ialah 2,510 orang.

Jadi, pemberian elaun ini telah pun diberi secara lumsom tanpa mengira tempat sama ada di Sumatera ataupun di Kalimantan dan bilangan hari mereka berada di luar negara sekurang-kurangnya 21 hari. Kadar elaun yang dicadangkan dan telah pun diberi ialah implikasi kewangan bagi jumlah keseluruhannya ialah

sebanyak RM2,000 seorang dan oleh itu jumlah keseluruhan peruntukan kewangan yang diperlukan bagi membiayai pembayaran elaun kepada 2,510 orang ialah sebanyak RM5,020,000. Jadi, ini yang kita minta peruntukan tambahan.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah pun menyatakan mengenai good governance ataupun ketelusan dan saya ingin memberi jaminan kerajaan sangat komited sepenuhnya kepada ketelusan dalam operasi sektor awam dan juga sektor swasta dan sejajar dengan itu kita ada kemukakan, pertama ialah, sifat-sifat keterbukaan.

Jadi, kita berharap syarikat-syarikat yang diperlukan untuk membekalkan maklumat yang lebih kerap, tepat dan menyeluruh mengenai kedudukan dan prestasi syarikat termasuk berkaitan dengan pemegang saham dan kedudukan pinjaman. Pendedahan maklumat ini hendaklah dibuat sekurang-kurangnya setiap suku tahun.

Di samping itu syarikat dikehendaki mematuhi peraturan di bawah Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia dan Yayasan Laporan Kewangan. Untuk meningkatkan kecekapan penyebaran maklumat BSKL akan membantu dalam melaksanakan satu sistem pengurusan dan elektronik iaitu elektronik data. BSKL juga sedang mengkaji semula dasar-dasar dan garis panduan dan keperluan penyenaian untuk memastikan ianya jelas dan lebih jelas lagi.

Keduanya, ialah pengurusan korporat, satu pembelajaran daripada krisis semasa ialah pelaksanaan deregularisasi dan liberalisasi tidak harus diadakan tanpa komitmen kepada pengurusan korporat yang bertanggungjawab ataupun corporate governance. Pemantauan yang berkesan serta sistem kawal selia yang seimbang merupakan komponen terpenting bagi sesebuah syarikat. Kerajaan sedar akan kebimbangan tentang pengabaian para pengarah syarikat mengenai tanggungjawab moral dan tatalaku mereka, ketidakberkesanan pengarah bebas dalam mengawal selia salah laku pengurus pemilik atau owner managers dan kekurangan ketelusan syarikat-syarikat dalam membuat keputusan.

Justeru itu, kerajaan berazam mewujudkan satu rangka piawaian pengurusan korporat dan amalan-amalan terbaik bagi industri. Kerajaan sedar bahawa pengurusan korporat yang bertanggungjawab bukan hanya dikaitkan dengan penambahan peraturan dan undang-undang. Sesuatu perniagaan yang cekap dan berkesan memerlukan perseimbangan di antara kawal selia sendiri dan kawal selia kerajaan.

Sehubungan dengan itu, kerajaan telah pun mengumumkan bahawa satu jawatankuasa kewangan peringkat tertinggi akan ditubuhkan. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan diwakili oleh pelbagai agensi pengawal selia dan kumpulan industri. Jawatankuasa ini akan mengemukakan perakuan mereka selewat-lewatnya pada penghujung bulan Jun tahun ini.

Kajian telah pun dibuat untuk menyediakan laporan mengenai kod amalan terbaik pengurusan korporat yang sesuai untuk Malaysia sedang giat dijalankan oleh jawatankuasa ini dan jawatankuasa ini diketuai sepertimana saya katakan tadi oleh JPK Kementerian Kewangan - 11 orang anggotanya daripada agensi-agensi kawal selia dan badan-badan profesional. Setakat ini ia telah mengadakan dua mesyuarat dan kita harapkan nanti peraturan-peraturan akan dapat disediakan sebelum 30 Jun 1998. Jadi, dengan adanya kawal seliaan ini, good governance ini, ketelusan akan dapat kita perolehi bukan sahaja daripada pihak awam yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia tetapi juga pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Puan Hajah Mastika Junaidah tentang 3F, kerajaan tidak mewajibkan bank-bank pelaksana meminta colleteral daripada peminjam dan walau bagaimanapun, urusan penilaian permohonan diserahkan sepenuhnya kepada bank pelaksana.

Jadi, kriteria utama dalam menilai permohonan pinjaman ialah daya maju sesuatu projek itu. Pada masa yang sama bagi melindungi kepentingan bank

terutamanya dari segi pembayaran balik mengikut jadual, bank biasanya memerlukan colleteral, biasanya dengan adanya colleteral komitmen dari peminjam untuk menjayakan sesuatu projek itu adalah lebih tinggi lagi.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, ini telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat bahawa buat setakat ini jumlah pinjaman tidak berbayar (NPL) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi dan lain-lain pada 31 Mac 1998 adalah seperti berikut. Bank perdagangan jumlah pinjaman tak berbayar (NPL) adalah sebanyak RM22.3 juta. Ini jumlah dari segi pinjaman 7.7%, syarikat kewangan RM14.8 juta - 14.1%, bank saudagar - RM2.3 juta - 7.8% dan sistem perbankan - RM44.3 juta atau 9.3%;

Jadi, dengan adanya permohonan kerajaan mengenai penubuhan Syarikat Pengurusan Aset (SPA) baru-baru ini, bagi menguruskan NPL sistem perbankan adalah salah satu langkah proaktif yang diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah NPL sistem perbankan yang dikatakan tidak berdaya maju.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah pun membangkitkan mengenai pakej-pakej bangunan utama di Putrajaya, saya telah pun mendapatkan data-data yang berkenaan, kontraktor utama Fasa A, Pejabat Perdana Menteri ialah Teamsted Sendirian Berhad, subkontraktor bumiputera untuk kerja MNE - API Kontraks Sendirian Berhad, Cara Kesan Sendirian Berhad, UNISAF Engineering Sendirian Berhad, Kuwasatech Sendirian Berhad.

Fasa B kontraktor utama - Putrajaya Property Sendirian Berhad, subkontraktor bumiputera untuk kerja-kerja MNE ialah Live Plus Sendirian Berhad, HLP Bina Sendirian Berhad.

Kediaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kontraktor utama ialah Teamsted Sendirian Berhad, subkontraktor bumiputera untuk kerja-kerja MNE

ialah Karibs Serasi Sendirian Berhad, API Kontraks Sendirian Berhad, UNISAF Engineering Sendirian Berhad.

Fasa C kontraktor utama ialah Kamunting Constructions Sendirian Berhad, subkontraktor bumiputera untuk kerja-kerja MNE, belum lagi yang diperolehi daripada pakej awal dan Fasa D kontraktor utama Kamunting Constructions Sendirian Berhad, subkontraktor untuk kerja-kerja MNE belum lagi diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasakan banyak yang telah saya sentuh daripada yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan apa-apa persoalan, saranan yang tidak dapat saya jawab, pegawai-pegawai dari kementerian-kementerian yang ada pada hari ini sudah pun mencatatkan dan memberi kepada saya, kalau Ahli Yang Berhormat meminta, saya akan memberi secara bertulis dan selain dari itu kita mengharapkan pegawai-pegawai kerajaan kita akan meneliti teguran-teguran untuk diambil ingatan dan tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 dan 1998 dan bagi

memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu telah dipersetujukan tanpa pindaan.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2), Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Negara, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.05 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu akta untuk meminda Akta Kerja 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, negara memerlukan suatu angkatan tenaga kerja yang produktif dan dinamik untuk menggerakkan proses pembangunan negara ke arah matlamat dan wawasan yang dihasratkan. Tidak syak lagi undang-undang buruh memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan keperluan negara tersebut. Justeru itu, Kementerian Sumber Manusia telah membuat kajian semula ke atas undang-undang buruh iaitu Akta Kerja 1955 (Employment Act 1955), bagi tujuan mengubahsuaikan dan mengemaskini objektif dan fungsi undang-undang tersebut supaya berorientasikan pembangunan yang menjurus ke arah keperluan matlamat dan wawasan pembangunan negara.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Kerja 1955 merupakan sebuah undang-undang buruh utama yang mengawal hubungan di antara majikan dan pekerja di sektor swasta, yang mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai hak-hak pekerja dan standard-standard minimum berkaitan dengan terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan. Perlindungan di bawah akta ini dinikmati oleh pekerja-pekerja bukan manual yang bergaji tidak melebihi RM1,500 sebulan dan bagi pekerja-pekerja manual pula tanpa had gaji.

Objektif utama akta ini ialah untuk memberi perlindungan kepada pekerja yang berpendapatan rendah khususnya yang tidak berkesatuan sekerja dan kurang berkeupayaan untuk berunding dengan majikan mereka untuk mendapatkan terma dan syarat-syarat pekerjaan yang lebih baik. Akta ini berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia sahaja kerana negeri-negeri Sabah dan Sarawak mempunyai undang-undang buruhnya yang berasingan.

Semenjak Akta Kerja 1955 dikuatkuasakan pada tahun 1957 ianya telah dipinda beberapa kali selaras dengan perubahan masa dan keadaan. Pindaan terakhir sebelum ini adalah pada tahun 1989. Keadaan semasa memerlukan akta ini dipinda sekali lagi bagi tujuan memantapkan peranannya dalam pembangunan ekonomi negara khususnya untuk memberi dimensi baru daripada suatu akta yang berorientasikan perlindungan (protection oriented), dengan izin, kepada suatu akta yang berorientasikan pembangunan, (development oriented).

Pada amnya cadangan-cadangan pindaan yang dibuat boleh dibahagikan kepada lapan kategori mengikut objektif-objektif seperti berikut:

- (i) memajukan perlindungan pekerja yang positif;
- (ii) menggugurkan unsur-unsur perlindungan pekerja yang negatif;
- (iii) memudahkan industri memperkenalkan sistem upah berasaskan produktiviti;
- (iv) menggalakkan penyertaan tenaga kerja terbiar dalam pasaran buruh;

- (v) mengurangkan ketegaran untuk mengoptimumkan penggunaan sumber manusia dan melicinkan pentadbiran dalam industri;
- (vi) menghapuskan kekaburan dan peruntukan lapuk serta mengemaskinikan peruntukan lama;
- (vii) memperbaiki kaedah dan sistem pentadbiran undang-undang; dan
- (viii) mengawal panggilan, penggajian pekerja-pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah objektif pertama iaitu memajukan perlindungan pekerja yang positif, pindaan kepada Akta Kerja 1955 adalah dicadangkan dibuat seperti pada Fasal-Fasal 5, 11, 12, 13 dan Fasal 30. Manakala untuk mencapai objektif kedua iaitu mengugurkan unsur-unsur perlindungan pekerja yang negatif, pindaan-pindaan yang dicadangkan dibuat menerusi Fasal-Fasal 9, 13 dan Fasal 21.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan pindaan di bawah objektif 3 ialah bertujuan untuk memudahkan industri memperkenalkan sistem upah yang berasaskan produktiviti. Sehubungan itu, Fasal 21 adalah juga dicadangkan dipinda untuk memudah dan menggalakkan majikan memperkenalkan skim-skim bayaran insentif (incentive payment scheme). Peruntukan sekarang membuat majikan tidak berminat untuk memperkenalkan skim-skim pembayaran insentif bagi meningkatkan produktiviti kerana ianya akan meningkatkan liabiliti kewangan majikan tersebut dari segi perkiraan kadar bayaran faedah statutori. Ini adalah di antara sebab yang dikenal pasti telah melembabkan usaha-usaha reformasi upah ke arah pertumbuhan sistem upah yang berdasarkan produktiviti ataupun dengan izin, productivity linked wage system di negara ini.

Adalah dicadangkan suatu peruntukan baru dimasukkan ke dalam Fasal ini, di mana apa-apa bayaran insentif yang diperkenalkan oleh majikan dan diluluskan oleh Ketua Pengarah Buruh bagi tujuan meningkatkan produktiviti dan juga pendapatan pekerja akan dikeluarkan daripada perkiraan faedah-faedah statutori.

Cadangan ini dijangka akan dapat merangsang dan menggalakkan sistem upah yang berasaskan produktiviti di negara ini. Namun begitu pengecualian tidak akan diberikan secara automatik tetapi tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Buruh untuk menentukan bahawa hanya skim-skim insentif yang tulen dan benar-benar berfaedah kepada kedua-dua pihak iaitu majikan dan pekerja sahaja akan dikecualikan daripada perkiraan faedah-faedah statutori.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah objektif keempat iaitu menggalakkan penyertaan tenaga kerja terbiar ataupun separa terbiar dengan izin, unutilised atau under-employed labour ke dalam pasaran buruh. Cadangan pindaan seterusnya diusulkan di bawah Fasal 2(e), satu definisi kerja separa masa akan diperkenalkan dan Menteri Sumber Manusia akan memberi kuasa untuk membuat peraturan-peraturan mengenai terma-terma dan syarat-syarat pekerja separa masa. Salah satu kumpulan sasaran yang hendak ditarik memasuki pasaran buruh ialah wanita-wanita yang mempunyai tanggungjawab keluarga di rumah seperti penjagaan anak yang tidak mempunyai masa yang cukup untuk bekerja sepenuh masa dan amat memerlukan waktu bekerja yang fleksibel untuk memasuki pasaran buruh.

Satu lagi kumpulan sasaran ialah tenaga kerja luar bandar dan mereka yang bekerja sendiri yang tergolong di dalam kategori tenaga kerja separa terbiar atau under-utilised labour force yang amat perlu digemblengkan ke dalam pasaran buruh supaya mereka menjadi tenaga kerja yang aktif dan produktif. Kerja separa masa akan juga membuka peluang kepada penuntut-penuntut sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi untuk mendapatkan pekerjaan sementara dalam musim cuti.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan seterusnya adalah di bawah objektif kelima iaitu mengurangkan ketegaran untuk mengoptimumkan penggunaan sumber manusia dan melicinkan pentadbiran dalam industri. Pindaan di bawah Fasal 16 dan 17 adalah bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan konsep waktu kerja anjal ataupun flexy time. Peruntukan undang-undang yang sedia ada tidak memberi kelonggaran yang secukupnya kepada majikan untuk memperkenalkan jadual waktu kerja yang anjal dan lebih inovatif. Melalui cadangan pindaan ini peruntukan baru

untuk membolehkan pelaksanaan jadual waktu kerja anjal ataupun flexy time akan diperkenalkan. Peruntukan tersebut akan membenarkan Ketua Pengarah Buruh memberi kelulusan kepada majikan-majikan untuk memperkenalkan jadual waktu kerja yang fleksibel bagi memenuhi keperluan operasi industri serta keperluan pekerja individu. Cadangan ini adalah juga bertujuan untuk memudahkan industri memperkenalkan sistem waktu kerja yang inovatif bagi tujuan memaksimumkan penggunaan guna tenaga.

Tuan Yang di-Pertua, di Fasal 7 satu peruntukan baru akan dimasukkan bagi membenarkan majikan memberi pendahuluan gaji yang belum layak diperolehi oleh pekerja bagi tujuan pembelian saham syarikat yang ditawarkan oleh majikan. Pindaan ini bertujuan untuk membolehkan pekerja mendapat sumber kewangan bagi membeli saham syarikat yang ditawarkan oleh majikannya dan sekaligus menggalakkan majikan melaksanakan skim pemilikan saham pekerja-pekerja atau dengan izin, employees share ownership scheme. Ini selaras dengan dasar untuk menggalakkan penyertaan pekerja dalam ekuiti syarikat di mana mereka berkhidmat untuk memupuk semangat kesetiaan kepada syarikat dan juga untuk meningkatkan produktiviti. Cadangan ini akan juga menggalakkan amalan menabung di kalangan pekerja-pekerja di negara ini. Sehubungan itu, menerusi Fasal 8, satu peruntukan baru akan dimasukkan bagi memudahkan majikan membuat potongan gaji pekerja-pekerja bagi tujuan pembayaran balik pinjaman pembelian saham-saham untuk menyertai ekuiti dalam syarikat di mana mereka berkhidmat. Pada masa sekarang potongan gaji pekerja-pekerja bagi tujuan tersebut belum mendapat persetujuan pekerja dan juga kelulusan Ketua Pengarah Buruh.

Fasal 10 adalah berkaitan dengan keperluan majikan untuk mendapatkan permit kedai ataupun kantin daripada Ketua Pengarah Buruh. Pada masa sekarang akta ini memerlukan majikan mendapatkan kebenaran Ketua Pengarah Buruh untuk menubuh dan menyelenggarakan sebuah kedai runcit atau kantin di tempat kerjanya. Adalah dicadangkan bahawa perutukan ini dimansuhkan memandangkan telah ada agensi kerajaan lain yang mempunyai kuasa untuk mengawal penubuhan

kedai atau kantin di tempat-tempat pekerjaan dan mengawal jenis barangan yang boleh dijual. Dengan pemansuhan peruntukan ini keperluan untuk mendapatkan permit kedai atau kantin daripada Ketua Pengarah Buruh adalah dianggap tidak perlu.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan pindaan seterusnya adalah bagi mencapai objektif keenam iaitu menghapuskan kekaburan dan peruntukan lapuk serta mengemaskinikan peruntukan lama. Cadangan pindaan di bawah Fasal 13 adalah berkaitan peruntukan kelayakan dan hak pekerja wanita kepada elaun bersalin. Pada masa sekarang majikan dan pekerja mendapati sukar untuk memahami peruntukan ini disebabkan oleh strukturnya. Adalah dicadangkan peruntukan-peruntukan di bawah Fasal ini disusun semula di bawah peruntukan kecil yang berasingan bagi memudahkan lagi pemahaman dan interpretasinya.

Fasal 16 pula adalah berkaitan dengan waktu kerja. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di bawah akta ini seseorang pekerja tidak boleh dikehendaki bekerja lebih daripada 5 jam terus menerus tanpa diberi masa rehat tidak kurang daripada 30 minit. Peruntukan ini banyak mendatangkan masalah hubungan interpretasi kerana wujud kekaburan. Adalah dicadangkan peruntukan baru dimasukkan di bawah Fasal tersebut bagi memperjelaskan lagi kehendak sebenar peruntukan akta ini iaitu apa-apa tempoh rehat yang kurang daripada 30 minit tidak boleh diambil kira sebagai waktu rehat yang dimaksudkan. Pindaan ini adalah perlu bagi memastikan tujuan sebenar undang-undang tidak disalahgunakan oleh majikan.

Fasal 19 adalah berkenaan dengan peruntukan cuti tahunan. Di bawah akta ini kelayakan cuti tahunan hendaklah dikira mengikut 12 bulan perkhidmatan yang berterusan. Adalah dicadangkan peruntukan baru di masukkan di mana apabila seseorang pekerja diberi cuti tanpa gaji dalam mana-mana tempoh 12 bulan dan sekiranya cuti tersebut melebihi 30 hari dalam agregat maka tempoh cuti tersebut tidak akan diambil kira untuk tujuan perkiraan tempoh perkhidmatan pekerja tersebut. Pindaan ini adalah perlu untuk menghapuskan apa-apa kekeliruan dalam mengira 12 bulan perkhidmatan berterusan bagi menentukan kelayakan cuti

tahunan bergaji seseorang pekerja. Cadangan pindaan di bawah Fasal 20 pula bertujuan untuk memperkenalkan peruntukan baru bagi memperjelaskan lagi tujuan asal undang-undang berhubung hak cuti sakit bergaji dalam setahun. Sehubungan ini, kini menjadi jelas bahawa seseorang pekerja adalah berhak kepada hanya 60 hari cuti sakit bergaji dalam suatu tahun kalender, tidak kira sama ada penyakitnya memerlukan dia dimasukkan ke hospital atau sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan di bawah Fasal 44 adalah peruntukan mengenai penalti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang semua Fasal penalti kecuali tentang penggajian wanita pada waktu malam dan kerja bawah tanah menetapkan denda maksimum pada kadar RM2000. Denda harian kerana gagal mematuhi perintah Ketua Pengarah Buruh adalah RM50 sehari. Kementerian Sumber Manusia mendapati bahawa amaun penalti ini adalah terlalu kecil dan kurang berkesan untuk mencegah pelanggaran peruntukan di bawah akta ini. Adalah dicadangkan supaya penalti maksimum bagi kesemua kesalahan di bawah akta ini dinaikkan kepada RM10,000 dan denda harian kerana gagal mematuhi perintah Ketua Pengarah Buruh dinaikkan kepada RM100 sehari. Adalah diharapkan bahawa pindaan ini akan dapat mencegah majikan dengan sewenang-wenangnya melanggar undang-undang buruh sambil terus mengekalkan Akta Kerja 1955 sebagai sebuah undang-undang negara yang mesra-pelabur ataupun dengan izin, investor-friendly.

Tuan Yang di-Pertua, fasal-fasal pindaan seterusnya adalah bertujuan untuk mencapai objektif ketujuh iaitu memperbaiki kaedah dan sistem pentadbiran undang-undang. Fasal 27 adalah berkaitan dengan undang-undang pegawai pemeriksaan. Adalah dicadangkan peruntukan ini dipinda dengan memasukkan kuasa-kuasa tambahan dan menyusun semula peruntukan-peruntukan di bawahnya. Pindaan ini adalah perlu untuk memastikan tindakan pendakwaan yang akan diambil terhadap kesalahan yang dilakukan di bawah akta adalah lebih besar.

Fasal 46 pula adalah peruntukan mengenai kuasa mengenakan kompaun terhadap kesalahan di bawah akta pada masa sekarang. Pada masa sekarang akta ini tidak memperuntukkan kuasa untuk menetapkan jenis-jenis kesalahan yang boleh

dikenakan kompaun. Dengan demikian segala pelanggaran undang-undang oleh pihak majikan hanya boleh diambil tindakan melalui proses pendakwaan di mahkamah. Adalah dicadangkan satu peruntukan baru dimasukkan bagi membolehkan Ketua Pengarah Buruh mengenakan kompaun bagi kesalahan-kesalahan. Langkah ini sekaligus dapat mengurangkan kos dan karenah birokrasi serta mengurangkan kes-kes pendakwaan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali cadangan pindaan di bawah objektif kelapan adalah bertujuan untuk mengawal penggajian pekerja-pekerja asing di negara ini. Seperti yang kita sedia maklum, negara kita masih memerlukan sebilangan pekerja asing untuk menampung keperluan ekonomi negara. Memang tidak dapat dinafikan kehadiran mereka telah dapat membantu mengurangkan masalah kekurangan guna tenaga di negara ini terutamanya di sektor perladangan dan pembinaan. Pada masa yang sama Kementerian Sumber Manusia telah juga menerima aduan-aduan mengenai majikan-majikan yang mengambil kesempatan untuk mengeksploitasi pekerja-pekerja tempatan. Justeru itu, setelah kajian teliti dijalankan, Kementerian Sumber Manusia berpendapat sudah sampai masanya diadakan satu peruntukan khas di bawah akta ini bagi mengawal penggajian pekerja-pekerja asing.

Adalah dicadangkan di bawah Fasal 22 satu peruntukan diwujudkan di mana seseorang majikan yang menggaji pekerja asing diwajibkan mengemukakan kepada Ketua Pengarah Buruh maklumat-maklumat mengenai pekerja-pekerja asingnya dalam tempoh 14 hari dan tarikh pengambilan seseorang pekerja asing. Ketua Pengarah Buruh juga diberi kuasa untuk menyiasat apa-apa aduan mengenai diskriminasi dari aspek terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang tidak setara di antara pekerja tempatan dan pekerja asing.

Selain dari itu, apabila melaksanakan pemberhentian pekerja akibat lebih tenaga kerja atau redundancy, majikan perlulah memberhentikan semua pekerja asing terlebih dahulu sebelum mengambil tindakan memberhentikan mana-mana pekerja tempatan dalam kategori yang sama. Satu lagi peruntukan baru juga akan

diadakan untuk melarang majikan mengambil langkah-langkah memberhentikan pekerja tempatan dengan tujuan mengambil pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, selain Fasal-Fasal pindaan yang telah saya terangkan tadi, ada beberapa Fasal pindaan lain yang tidak disebutkan secara khusus kerana ianya adalah pindaan-pindaan yang kecil atau berbangkit dengan izin, consequential amendments yang juga bertujuan untuk menghapuskan kekaburan dan memperbaiki prosedur pentadbiran. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana begitu peka dan prihatin kepada perubahan-perubahan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, sebelum saya menyentuh tentang Fasal-fasal di dalam rang undang-undang yang telah dibentangkan, saya ingin membuat sedikit cadangan tentang format rang undang-undang yang dikemukakan kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang biasa kita terima yang berwarna biru.

Saya dapati bahawa dalam konteks contohnya Rang Undang-undang Kerja kita hari ini ia merupakan satu pindaan undang-undang yang begitu banyak iaitu ada 45 Fasal yang dibentangkan dan perkara-perkara yang dikemukakan juga dan perlu akan menjadi undang-undang yang akan dikuatkuasakan ke atas rakyat dan perlu diketahui dan difahami oleh kita sebagai Ahli Dewan Negara sebelum diluluskan, pada saya adalah perkara-perkara yang sangat penting dan oleh kerana itu adalah penting juga bagi kita sebagai Ahli-ahli Dewan Negara memahami apakah dia rang undang-undang ini yang akan dijadikan undang-undang. Kerana bukan sahaja kita perlu memberi kesedaran kepada orang ramai yang kita wakili, tetapi juga sebelum kita meluluskannya kita juga perlu tahu dan faham.

Jadi, pembentangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah begitu jelas dan ianya telah mengatakan ada lapan objektif bagi semua rang undang-undang yang telah dibentangkan, tetapi malangnya apa yang

kita dapat untuk bacaan ialah berbentuk huraian. Huraian yang jikalau kita tidak mempunyai latar belakang latihan undang-undang agak sukar untuk kita membaca dan memahami dan seterusnya untuk membahaskan rang undang-undang ini.

Jadi, saya ingin membuat cadangan bahawa apabila rang undang-undang ini dikemukakan kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat, adalah lebih baik jikalau ianya dapat diberikan dalam bentuk sepertimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya dapat kami kaji dengan lebih teliti dan kalau dalam bentuk objektif-objektif ataupun topik-topik kalau tadi lapan kategori yang telah disebut, saya rasa senang bagi kita untuk memahami dan seterusnya mungkin kami juga boleh membuat kaji selidik yang lebih mendalam, bagaimanakah implikasi undang-undang yang akan dikuatkuasakan nanti.

Saya juga ingin, nombor duanya, kalau dapatlah undang-undang yang begitu penting begini mendapat taklimat khas daripada pihak kementerian supaya kita perlu dapat meneliti dari satu klausa ke satu klausa untuk bersama-sama menghayati rang undang-undang yang perlu diperbahaskan.

Dan akhirnya, saya cuma hendak buat komen kecil mungkin tidak patut juga dikomen tetapi ada satu perkataan di dalam muka surat 30 di bawah huraian, perkataan mengenakan bunga telah digunakan, saya rasa sepatutnya perkataannya ialah 'faedah'.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa rang undang-undang baru ini adalah sangat penting kalau kita lihat dari konteks pekerja yang merupakan satu kumpulan besar dalam negara yang merupakan penggerak pembangunan negara dan kita juga dapat lihat bahawa perkembangan semasa dalam banyaknya masalah yang timbul oleh kerana adanya pekerja-pekerja asing dan juga adanya masalah yang ditimbulkan iaitu masalah kekurangan pekerja-pekerja walhal kita masih ada mempunyai pekerja-pekerja sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini pekerja-pekerja yang tidak di'tab' ataupun masih lagi tidak

digunakan sepenuhnya seperti wanita, seperti mereka yang bekerja sendiri dan sebagainya, adalah perkara-perkara yang memang wajar diberi perhatian dan memang wajarlah adanya peraturan-peraturan yang dikenakan untuk memastikan keadilan dapat dilaksanakan.

Saya ingin mengambil perhatian tentang perkara pekerja-pekerja wanita yang disebutkan dan mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana terdapat di sini perkara-perkara yang dahulunya tidak diberi perhatian dan menimbulkan banyak masalah bagi pekerja-pekerja wanita yang kita tahu merupakan lebih daripada 40% daripada kumpulan pekerja negara ini.

Pertamanya, ialah tentang wanita yang mempunyai option untuk waktu anjal. Ini adalah satu perkara yang amat dialu-alukan dan saya merasakan dalam pihak menteri menentukan peraturan-peraturan tentang waktu anjal ini, saya harap kementerian akan dapat membuat perjumpaan dengan wanita-wanita untuk dapat menentukan sebenarnya apa yang patut dijadikan waktu anjal.

Contohnya, waktu anjal yang digunakan oleh JPA sekarang ialah kedatangan sama ada masuk pukul 7.30 pagi ataupun pukul 8.30 pagi. Jadi, ada wanita yang merasakan mungkin kalau pukul 8.30 pagi dengan 7.30 pagi itu tidak memberi perbezaan yang banyak kerana ia masih perlu keluar pada waktu yang sama untuk sampai ke pejabat seperti dahulu iaitu pukul 8.00 pagi. Jadi, kerana ada waktu anjal itu dia boleh sampailah lewat sedikit.

Tetapi dia tidak memberi ruang untuk masa wanita contohnya, jika ia mempunyai anak-anak kecil ataupun anak-anak memerlukan perhatian ibu. Jadi, mungkin waktu anjal untuk wanita, boleh atas pilihan mereka mengikut keadaan, boleh ditukarkan - pukul 7.30 pagi boleh dikekalkan mungkin ada yang menghantar anak sekolah pada pukul 7.30 pagi, tetapi mungkin yang pukul 8.30 pagi itu dianjakkan mungkin ke pukul 9.00 pagi dan mungkin waktu makan atau waktu rehat sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada pindaan mengatakan waktu rehat itu perlulah minimumnya 30 minit, jadi mungkin

dia boleh mengurangkan waktu rehat dan masih lagi boleh balik sebelum sampai ke rumah mungkin pukul 6.00 petang atau pukul 6.30 petang.

Jadi, waktu anjal itu penting saya rasa walaupun JPA saya ucapkan tahniah kerana telah melaksanakannya tetapi saya rasa masih boleh diperbaiki untuk mencapai matlamat waktu anjal untuk mewujudkan suasana kekeluargaan yang memang sangat-sangat digalakkan oleh kerajaan.

Saya juga mengucapkan tahniah tentang waktu perkiraan bagi wanita yang bersalin. Saya dapati di bawah seksyen 37 berkenaan wanita bekerja, jadi di sini juga kita dapati mungkin telah dapat mengatasi banyak masalah wanita. Dahulu kita ada banyak mendengar wanita diberhentikan kerja kerana dia bersalin ataupun dia mengandung ataupun wanita itu tidak dapat mengira cuti untuk bersalin atau tidak berhak untuk mendapat gaji kerana waktu bersalinnya tidak dapat ditetapkan.

Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan kalau dapatlah dipertimbangkan dalam peraturan mengenai peruntukan ini bahawa wanita itu diberi options sama ada ianya mahukan cuti itu selama 60 hari sebagai satu peruntukan cuti bersalin yang ditetapkan ataupun dia boleh memilih untuk mendapatkan 60 hari itu dipanjangkan semasa setahun atau dua tahun di mana dengan anak kecil mungkin dia memerlukan cuti yang lebih banyak kadangkala apabila anak kecil itu sakit. Saya tahu mungkin ada logiknya, rasionalnya kerana hendak menyusu anak dan sebagainya tetapi kita juga mengharapkan dengan adanya Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 1998 ini yang begitu sensitif kepada kekeluargaan, creche, dengan izin, akan juga diwujudkan untuk membolehkan ibu-ibu menyusu anak dan tentu sekalilah kalau cuti yang 60 hari itu dapat dijadikan anjal atau flexible mengikut pilihan bagi seseorang ibu itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan dalam konteks ini walaupun mungkin ianya tidak hanya terpakai kepada wanita tetapi juga mungkin kepada lelaki dalam peraturan mengenai waktu anjal dan juga waktu kerja ini mungkin pihak kementerian juga mengambil kira tentang pembangunan teknologi

maklumat, mungkin tiba satu masanya kerja-kerja akan dibuat dari rumah iaitu distance work place, jadi, mungkin pihak kementerian boleh membuat ruang-ruang untuk membolehkan jikalau tiba masanya ataupun mungkin sekarang pun waktu anjal itu juga boleh mengambil kira tentang tempat seseorang itu bekerja.

Sementara itu satu lagi tentang pekerja wanita ialah saya juga ingin mendapatkan pertimbangan dari pihak kementerian dalam galakan untuk menggalakkan wanita untuk bekerja. Wanita-wanita yang menjadi single parent ataupun ibu tunggal boleh mendapat keutamaan dalam pilihan waktu anjal dan fasiliti flexibility ini dan termasuk jugalah ianya boleh mendapatkan mengeluarkan wang KWSP untuk tujuan menyara anak-anak atau dependence seseorang pekerja wanita itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang gaji atau pendapatan sepertimana yang juga telah disebutkan di bawah Fasal 2 dan juga beberapa Fasal yang lain di mana pihak kementerian akan mengawal selia penggajian pekerja, ini termasuklah pekerja sambilan, pekerja asing juga pekerja wanita dan juga pekerja-pekerja sepertimana yang disebutkan tadi yang telah diperluaskan takrif pekerja-pekerja yang boleh mendapat khidmat rang undang-undang ini nanti.

Perluasan takrif pekerja ini juga amat dialu-alukan dan dalam konteks gaji atau pendapatan pengawal selia ini memanglah kita rasakan satu perkara yang amat baik. Walau bagaimanapun, satu perkara yang saya masih ragu ialah bagaimanakah kita hendak menentukan yang ianya dapat dilaksanakan, sebab kita tahu pekerja dengan majikan mempunyai perhubungan di mana satu pihak adalah kita katakan lebih authoritative, dengan izin, dan ada kalanya mungkin pekerja tidak banyak mempunyai pilihan, whether you can keep the job or you leave dalam menentukan sesuatu yang dicadangkan oleh employer.

Jadi, saya ingin mencadangkanlah semua rang undang-undang ini yang banyak memberi perlindungan kepada hak-hak pekerja dapat diberi pengetahuan

dan diberi kesedaran kepada semua pekerja. Saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri selalu dapat dilihat di kaca televisyen untuk memberi penerangan tetapi saya harap akan dapat lagi dalam bentuk lain, kempen lain terutamanya di kawasan factory di mana melibatkan wanita dan juga lelaki yang ramai tidak tahu hak mereka sebagai pekerja, mungkin dalam bentuk pamphlets yang boleh dikeluarkan ataupun jikalau untuk kita mengurangkan kos perlu peraturan ditetapkan bagi semua majikan untuk menyediakan perjanjian perkhidmatan dan dalam perjanjian perkhidmatan itu memberikan hak-hak dan tanggungjawab pekerja dan juga majikan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang Kerja yang dikepilkan bersama untuk sama-sama diketahui oleh mereka.

Saya juga tertarik dengan Fasal 8 yang menyatakan tentang pemotongan gaji yang memerlukan persetujuan pekerja. Jadi, kalau pemotongan gaji oleh majikan terutamanya sekarang ini kerana dalam kegawatan ekonomi saya juga ingin mempersoalkan bagaimanakah sebenarnya kita dapat memastikan bahawa sebenarnya pekerja itu dapat memberi persetujuan, adakah sebenarnya ia mempunyai pilihan ataupun ianya merupakan satu perkara di antara majikan dengan pekerja dia sebenarnya tidak mempunyai pilihan, mungkin perkara ini dapat lebih di 'highlight' kan, dengan izin, oleh Opihak kementerian kepada pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah tentang Mahkamah Buruh yang telah diwujudkan dalam peruntukan rang undang-undang ini juga satu perkara yang kita alu-alukan kerana kita dapati bahawa tujuan pewujudan Mahkamah Buruh ini ialah untuk membolehkan pekerja-pekerja mendapat hak-hak mereka diberi perlindungan, satu forum penghakiman yang cepat dan lebih murah. Saya percaya ini adalah satu perkara yang juga perlu dialu-alukan oleh pihak pekerja kerana kita tahu proses mahkamah sivil selalunya panjang dan perbelanjaan yang banyak.

Saya juga mengalu-alukan perkara-perkara yang boleh dibawa di bawah Mahkamah Buruh dan ini juga saya mengharap dapat diberitahu dengan lebih luas kepada pekerja terutama pada waktu ini, seperti mana yang kita ketahui ramai di antara pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja. Dalam merujuk kepada Mahkamah Buruh ini tentu sekalilah telah habis segala usaha-usaha untuk menyelesaikan masalah antara pekerja dan majikan. Jadi di sini saya juga lihat bahawa pihak kementerian memerlukan pihak majikan memberi notis satu bulan kepada pihak kementerian tentang hasrat untuk pemberhentian pekerja. Saya tahu 'ignorance of the law' bukanlah satu perkara yang 'is an excuse' tetapi walau bagaimanapun kita tahu ramai orang teraniaya kerana tidak tahu tentang undang-

undang. Saya tidak tahu sama ada pihak kementerian akan dapat memberi pengecualian jikalau perkara ini dibawa ataupun dapat dipanjangkan tempoh masanya. Jikalau pihak majikan gagal untuk memberi pemberitahuan tetapi pekerja sudah pun berhenti dan adakah ini bermakna bahawa pemberhentian kerja itu menjadi tidak sah ataupun ianya hanya merupakan satu peraturan yang perlu dibuat oleh pihak majikan. Walau bagaimanapun kalau ianya memerlukan notis ini, saya ingin tahu daripada pihak kementerian selain menentukan sah atau tidak sahnya pemberhentian kerja itu, apakah sebenarnya tujuan kementerian untuk mendapatkan notis tersebut. Kalau boleh saya cadangkan, jika ada notis yang begitu mungkin pihak kementerian boleh mengambil kesempatan untuk memberi peluang kepada pekerja yang akan diberhentikan, jikalau ianya layak diberi latihan (training) dengan izin di bawah Human Resource Development Fund. Saya rasa ada diwujudkan Human Resource Development Council dan sebagainya yang kita ada RM2.2 juta itu. Kalau itulah matlamatnya saya amat mengalu-alukan notis yang dikehendaki tetapi mungkin ada matlamat lain, jadi inginlah saya mencadangkan itu digunakan sebagai satu daripada cara untuk mengetahui dan seterusnya memberi latihan atau pilihan. Saya tidak tahu juga sama ada kita ada mewujudkan dengan izin, unemployment the benefit scheme selain daripada kursus-kursus yang boleh dibuat, rasanya mungkin ada tabung-tabung yang akan dapat diwujudkan atau telah diwujudkan. Kita haraplah perkara ini akan diberi seadil-adilnya terutamanya kepada mereka yang mempunyai keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya juga ingin menyentuh tentang Fasal 7 seksyen 22 iaitu untuk membeli saham oleh pekerja-pekerja. Di sini pihak majikan dibolehkan untuk menggunakan gaji pekerja untuk membayar ekuiti dalam syarikat. Ini mungkin mempunyai tujuan yang baik tetapi saya ingin menyuarakan keraguan saya kemungkinan berlakunya salah guna kuasa atau peruntukan ini yang mana mungkin saham itu tidak sebenarnya dapat dibeli untuk pekerja dengan nilai yang sepatutnya. Jadi saya inginkan penjelasan atau mungkin kementerian akan mewujudkan peraturan-peraturan untuk memastikan pembelian saham atau ekuiti syarikat yang dikatakan untuk mewujudkan rasa kesetiaan kepada syarikat itu akan benar-benar dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya ingin kemukakan dan saya dengan ini menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

5.42 ptg.

Tuan Yim Chee Chong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia kerana mengemukakan Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 1998, untuk meminda Akta Kerja 1955.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri kita baru sahaja memberi penjelasan yang begitu jelas dalam Dewan yang mulia ini. Penjelasan beliau seperti syarahan profesor di dalam universiti. Penjelasan itu pada hemat saya lebih baik daripada taklimat khas kepada Ahli-ahli Dewan Negara. Saya telah membaca dengan teliti rang undang-undang yang dikemukakan tadi itu. Saya cuba mencari kelemahan-kelemahan di dalamnya tetapi tidak ada kecuali satu sahaja saya ingin kemukakan.

Ini adalah muka surat 7 (page 7). Saya punya bahasa Inggeris, saya tidak tahu qualify atau tidak, minta maaf ya. Dengan izin,“(4) Any dispute as to whether an employee has unreasonably

withheld or withdrawn his consent to the mode of payment of his wages under subsection (1) shall be referred to the Director General whose decision on the matter shall be final”.

Ini bermakna keputusan director general itu adalah final sama ada orang yang tidak puas hati terhadap keputusan itu mempunyai hak appeal ke Mahkamah Tinggi, di dalam seksyen in tidak diterangkan. Saya minta Timbalan Menteri memberi penjelasan nanti. Pada hemat saya apa keputusan itu harus mempunyai hak appeal kepada mahkamah. Oleh kerana kemungkinan juga director general itu, keputusannya tidak adil dan saksama kalau orang yang menderita itu tidak ada peluang untuk appeal, ini adalah bertentangan dengan prinsip demokrasi yang diamalkan di negara kita ini.

Sekarang saya ingin menyentuh mengenai employment of foreign employees iaitu muka surat 13, dengan izin. Ini adalah menentang prinsip discrimination. Ini bermakna kerajaan kita mengamalkan satu prinsip yang adil dan saksama. Tidak ada discrimination kepada pendatang asing ataupun pekerja asing. Ini menunjukkan negara kita ini adalah negara yang liberal, adil dan saksama kepada pendatang asing ataupun pekerja asing. Menunjukkan negara kita ini adalah menurut hak asasi manusia yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini saya berpendapat bahawa Akta Kerja Tahun 1955 ini adalah out dated, dengan izin. Undang-undang ini diluluskan pada tahun 1955, masa itu negara kita belum mencapai kemerdekaan. Keadaan hari ini adalah berbeza, pada hari ini negara kita ini sedang membangun, kita memerlukan tenaga manusia dalam mana seramai lebih kurang 2 juta pekerja dari luar sama ada haram atau tidak - 2 juta pekerja bagi membangunkan negara kita ini. Jadi kita harus memberi layanan yang sama kepada pendatang-pendatang yang ikut undang-undang kita ataupun pekerja yang ikut undang-undang kita, kita harus bagi layanan yang sama macam pekerja di dalam Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di England ada satu undang-undang iaitu Racial Discrimination Act. Undang-undang ini dengan jelas menunjukkan bahawa sesiapa oleh kerana di United Kingdom adalah didiami oleh semua suku bangsa, semua kaum ada situ, jadi British Government meluluskan undang-undang yang bernama Racial Discrimination Act dalam mana sesiapa orang yang ada pilih kasih atau discrimination kepada sesiapa kaum adalah satu kesalahan menentang undang-undang dan boleh dihukum. Hari ini Rang Undang-undang kita ini adalah mengikut prinsip yang diamalkan di United Kingdom. Ini adalah baik dan harus kita bagi sokong.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Negara harus beri sokongan kerana undang-undang ini pada hemat saya adalah satu undang-undang yang adil dan saksama untuk majikan dan pihak pekerja. Oleh kerana keadilan ini majikan dan pekerja akan dapat kerjasama antara satu sama lain untuk membangunkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara saya ingin memohon kerajaan memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya adalah pada hari ini di bidang pembangunan, di kilang-kilang, di saw-mill ataupun di lombong timah. Pekerja-pekerja yang bekerja di dalam keadaan yang merbahaya, kelengkapan keselamatan tidak sempurna. Jadi senantiasanya berlakunya pekerja itu jatuh dan mati ataupun cedera parah. Ini adalah tanggungan pihak majikan kerana ada juga majikan tidak menghiraukan keselamatan pekerja-pekerja. Oleh hal yang demikian, pihak kerajaan harus mengambil tindakan yang

sewajarnya meminta kerjasama ataupun memerintah majikan-majikan supaya mengambil tindakan keselamatan ataupun menyediakan kelengkapan keselamatan untuk melindungi pekerja-pekerja yang bekerja agar dapat mengelakkan segala accident daripada pekerjaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Timbalan Menteri telah menjelaskan objektif-objektif untuk meluluskan Rang Undang-undang ini, pada hemat saya objektif-objektif itu adalah adil dan saksama, adalah up to date ataupun mengemaskinikan undang-undang kita. Pada hari ini adalah layak dan tepat pada masanya untuk mengemukakan Rang Undang-undang ini. Oleh kerana itu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

5.50 ptg.

Tuan Janggu Anak Banyang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun ingin menyokong Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 1998.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara kita Malaysia ini akan menjadi negara pembangunan, kita akan menggunakan Rang Undang-undang Kerja, ini sepatutnya telah digunakan lama. Tetapi walaupun begitu saya berharap Rang Undang-undang ini boleh dikenakan, walaupun tidak dikenakan di negeri Sabah dan Sarawak, saya berharap Rang Undang-undang ini boleh digunakan untuk masa hadapan. Oleh kerana negara kita menggunakan pekerja-pekerja yang mahir dan kurang mahir, saya berharap undang-undang ini juga boleh melindungi pekerja-pekerja yang seperti pekerja ladang dan di sektor-sektor construction dan sebagainya. Oleh itu kita sedia maklum kadangkala mereka yang bekerja di bangunan-bangunan tinggi yang apabila mereka bekerja di tempat situ kebanyakannya mereka tidak memikirkan kepentingan keselamatan mereka. Kita telah maklum kebanyakan mereka, pekerja-pekerja di peringkat-peringkat perumahan yang tinggi, kadangkala kemalangan ada menimpa mereka. Oleh itu saya pun tidak berapa faham apabila kemalangan itu terjadi, adakah pihak majikan sedia membayar insurans kepada mereka yang ditimpa kemalangan itu. Oleh itu mereka juga dari kalangan pekerja asing, saya fikir mereka itu pun tidak dilayan dengan baik.

Saya berharap oleh kerana dalam sektor pembinaan ini kebanyakan kita menggunakan pekerja-pekerja dari luar iaitu pekerja asing, oleh itu saya berharap kementerian ini juga boleh memikirkan supaya mereka ini terlindung dengan bidang-bidang pekerjaan mereka di dalam satu industri pembinaan itu. Dan juga kebanyakan pekerja kita dari golongan wanita. Kebanyakan mereka juga bekerja dalam sektor perkilangan. Mereka juga walaupun kebanyakan bekerja di sektor perkilangan kadangkala jikalau mereka sudah berkahwin mereka tentu akan berhenti kerja kerana tidak dapat bekerja selanjutnya dan apabila mereka datang kembali walaupun mereka telah bersalin mereka kadangkala tidak dapat diberi cutian bersalin lebih panjang. Dan kemudian nanti majikan mereka pun tidak dapat memberi gaji tanpa cuti. Saya berharap ini pun akan difikirkan oleh kementerian kerana mereka telah memberi sumbangan kepada kilang-kilang apabila mereka cuti bersalin dalam masa 60 hari.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh di sini iaitu kebanyakan pekerja-pekerja asing datang ke negara kita ini untuk mencari

pekerjaan oleh kerana gaji di sini lebih lumayan untuk mereka. Saya berharap ini tidak akan menjejaskan pekerja-pekerja kita di negara ini oleh kerana kebanyakan industrinegara kita memerlukan pekerja yang mahir tetapi mereka juga terfikir oleh kerana kebanyakan anak-anak kita yang tercicir dalam peperiksaan kemungkinan mereka boleh diambil bekerja dalam sektor perkilangan atau dalam bidang industri, perumahan dan sebagainya. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-Undang Kerja (Pindaan) 1998. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

5.57 ptg.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya inginlah mengucapkan setinggi terima kasih di atas pandangan-pandangan yang telah diberi. Kebanyakan pandangan ini memberi hujah-hujah yang sedikit sebanyak menyokong kepada pindaan-pindaan yang dibentangkan dan dibincangkan pada hari ini.

Pertamanya, saya ingin memberi sedikit pandangan mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia iaitu tentang waktu kerja anjal. Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam pindaan ini, kita memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk menentukan cara waktu bekerja anjal ini ditentukan kerana kita tidak mahu majikan-majikan menentukan waktu kerja anjal ini dengan sewenang-wenangnya, maka itulah sebabnya kita memberi kuasa kepada Ketua Pengarah.

Beliau juga menyatakan tentang kemungkinan wanita diberi opsyen untuk cuti lebih daripada 60 hari, mungkin untuk setahun atau dua tahun, kalau perlu. Perkara sebegini telah pun diambil perhatian oleh Kementerian Sumber Manusia sepanjang masa tetapi kita juga ada suatu perkara yang lain, mengenai membantu wanita ini, iaitu bagaimana untuk menggalakkan wanita memasuki dalam bidang pekerjaan untuk bekerja, memberi sumbangan terhadap pembangunan negara dan sebagainya. Sebagaimana kita tahu, pada waktu ini hanya lebih kurang 40% sahaja daripada wanita yang boleh bekerja dan menawarkan khidmat mereka, sedangkan di negara-negara maju, hampir 70% daripada jumlah wanita itu bekerja.

Oleh itu, sebagai menggalakkan mereka untuk bekerja, kita terpaksa kata orang tidak mengenakan syarat-syarat yang terlalu ketat bagi majikan untuk mengambil mereka bekerja. Kalau kita memanjangkan atau memberi opsiyen kepada wanita untuk bercuti panjang, maka ini sudah tentu akan melemahkan semangat majikan-majikan untuk mengambil lebih ramai lagi wanita untuk bekerja.

Tentang kempen-kempen mengenai hak-hak pekerja, sukacita saya menyatakan bahawa pegawai-pegawai buruh Kementerian Sumber Manusia sepanjang masa mengadakan berbagai-bagai kempen di tempat-tempat dan kawasan industri dan sebagainya mengenai hak-hak pekerja. Kempen-kempen ini bukan sahaja diadakan kepada pekerja-pekerja tetapi juga kepada Kesatuan-kesatuan Sekerja kerana Kesatuan-kesatuan Sekerja juga bertanggungjawab kepada ahli-ahli mereka. Mereka juga harus tahu tentang hak-hak pekerja-pekerja yang mereka mewakili itu. Beliau juga telah menanyakan kenapakah perlu diberi notis kepada Jabatan Buruh sebelum majikan memberhentikan pekerja.

Sukacita saya menyatakan bahawa ini adalah sangat berfaedah kepada pekerja-pekerja itu dengan memaksa majikan-majikan memberi notis sebulan sebelum mereka memberhentikan pekerja-pekerja mereka. Maka kita dapatlah memikirkan sama ada majikan tersebut telah pun memberikan faedah-feadah yang perlu dibayar kepada pekerja-pekerja itu dan kalau ada masalah-masalah lain, maka kita dapat juga mencapai suatu penyelesaian yang baik. Kadangkalanya kita juga menggunakan peluang itu untuk memujuk majikan-majikan yang berkaitan supaya mereka tidak memberhentikan pekerja-pekerja mereka tetapi cari penyelesaian-penyelesaian yang lain. Akhir sekali dalam hubungan ini, ianya juga memberi peluang kepada Kementerian Sumber Manusia menerusi jabatan-jabatan yang lain untuk mencari kerja gantian kepada pekerja-pekerja.

Yang Berhormat Yim Chee Chong, sahabat saya, telah membangkitkan soal keputusan Ketua Pengarah mengenai cara bayaran gaji. Ini keputusan muktamad oleh Ketua Pengarah, adalah hanya mengenai cara pembayaran gaji, itu sahaja, bukanlah sesuatu perkara yang besar. Namun demikian, kalau pekerja yang

tersebut berasa keputusan Ketua Pengarah itu tidak adil, maka beliau masih lagi boleh mengambil tindakan di Mahkamah Sivil.

Saya berterima kasihlah kepada Yang Berhormat Yim Chee Chong yang begitu faham sekali iaitu negara kita mengamalkan undang-undang buruh yang begitu adil sekali. Siapa sahaja pekerja yang menjejak kaki di bumi Malaysia dengan cara sah, maka undang-undang negara kita akan memberi perlindungan yang saksama kepada mereka semua. Jadi kita memang begitu up-to-date sekali, kita patuhi semangat dan segala undang-undang antarabangsa mengenai perlindungan kepada pekerja-pekerja sama ada pekerja tempatan ataupun pekerja asing, dengan syarat mereka datang ke negara ini secara sah. Kalau mereka datang secara tidak sah, maka kita tidak ada pilihan lain, kalau di tangkap, mereka akan dihantar pulang. Begitu juga di negara kita ini tidak ada racial discrimination dari segi pekerja-pekerja, itu memang begitu jelas dan ketara sekali.

Mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan, baru sahaja dalam bulan April, kita telah melancarkan sekali lagi boleh dikatakan hampir tiap-tiap tahun kita ada Bulan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan iaitu untuk menjadikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan sebagai satu budaya bukan sahaja di kalangan pekerja-pekerja tetapi juga di kalangan majikan-majikan. Alhamdulillah, berdasarkan kempen yang berbagai-bagai, maka kita dapati bilangan accident yang terdapat di kalangan pekerja setiap tahun menurun. Alhamdulillah.

Yang Berhormat Tuan Janggu mengharapkan supaya undang-undang yang begitu baik pada pekerja-pekerja ini dapat digunapakai di Sabah dan Sarawak. Saya mintalah kepada beliau cuba meyakinkan pemerintahan di Sarawak itu supaya menerima undang-undang ini digunapakai di Sarawak, ya! Bukan semua undang-undang itu cuba hendak menjejaskan hak asasi di Sarawak, tidak. Dalam kes ini memang tidak ada langsung tetapi Kementerian Sumber Manusia tidak faham kenapa Sabah dan Sarawak harus menolak perluasan undang-undang ini di Sabah dan Sarawak, sedangkan Ordinan Buruh (Sabah dan Sarawak) adalah begitu lama dan begitu tidak adil kepada pekerja-pekerja di sana.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya kepada pihak kerajaan bagaimanakah proviso yang mengatakan bahawasanya akta yang sekarang ini berkuatkuasa di Sabah dan Sarawak tidak adil kepada pekerja-pekerja, kalau ianya tidak adil, semestinya pihak Kerajaan Pusat akan mengambil tindakan yang lebih luas bagi menjamin supaya kegiatan pekerja di sana pun mendapat layanan yang adil. Jadi, proviso yang manakah yang mengatakan ini tidak adil kepada para pekerja? Ini merupakan satu kenyataan yang perlu diperjelaskan lagi.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan seperti itu telah pun dibuat berkali-kali, bukan sahaja oleh saya tetapi juga oleh Yang Berhormat Menteri dan mereka juga di Sabah dan Sarawak mengakui bahawa Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak memanglah ketinggalan zaman dan perlu diperbaiki, cuma mereka hendak supaya undang-undang ordinan di Sabah dan Sarawak itu diubahsuai dipinda supaya segala proviso dalam Akta Kerja ini dimasukkan juga dalam kedua-dua ordinan itu, cuma pandangan kita kenapakah perlu sebuah negara seperti Malaysia ini mempunyai tiga Rang Undang-undang Buruh sedangkan masalah buruh itu adalah masalah federal, tidak ada kena-mengena dengan masalah hak asasi, macam hasil minyak ataupun hasil balak dan sebagainya tak kena mengena. Buruh is federal matter, jadi seharusnya kita ada satu undang-undang sahaja.

Jadi, kalau pelabur luar datang memudahkan mereka, tetapi inilah Kerajaan Persekutuan begitu berhati-hati, kita cuba juga mengambil masa untuk memujuk mereka, untuk menyedarkan mereka, ini tidak ada kena-mengena dengan hak asasi Sabah atau Sarawak dan ini adalah kebaikan untuk para pekerja di Malaysia kita dan kalau kita ada satu undang-undang maka ini akan merapatkan lagi hubungan antara tiga bahagian di Malaysia kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang perlindungan kepada para pekerja itu, sebagaimana Ahli Yang Berhormat tahu bahawa untuk pekerja-pekerja rakyat Malaysia ini kita memberi perlindungan kepada mereka di bawah Skim Perkeso. Bagi pekerja-pekerja lain pula, pekerja-pekerja dari luar termasuk juga pekerja-pekerja pembinaan dan juga pembalakan dan sebagainya, kita memberi perlindungan kepada mereka di bawah Insurans Pampasan Pekerja (Workmen's Compensation).

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah di antara perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau ada apa-apa yang saya tertinggal, saya mohon maaf, insya-Allah ini akan diberitahu kemudian kelak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERTUBUHAN (PINDAAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.10 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan kepada Majlis ini Rang Undang-undang yang bernama Akta Pertubuhan (Pindaan) 1997 dibacakan kali kedua sekarang.

Akta Pertubuhan 1966 telah digubal pada tahun 1966 untuk mendaftar dan mengawasi semua pertubuhan dalam negara kita supaya kegiatan-kegiatannya tidak bertentangan dengan keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam atau akhlak di dalam negara kita.

Bagi maksud meningkatkan keberkesanan pengawalan dan pengawasan itu dan juga memudahkan pihak pertubuhan, beberapa seksyen dalam akta adalah dicadangkan untuk dipinda dan beberapa seksyen baru ditambah.

Cadangan pindaan dan tambahan pada kali ini pada umumnya adalah bertujuan untuk memperkemaskan lagi pentadbiran akta tersebut, pindaan dan tambahan ini terbahagi kepada tiga aspek iaitu:-

- (i) untuk melicinkan pentadbiran Akta Pertubuhan 1966 dengan mengadakan peruntukan bagi membolehkan menteri melantik pegawai-pegawai atasan melainkan Pendaftar dan Timbalan Pendaftar yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ianya juga bertujuan mengadakan peruntukan bagi penurunan kuasa oleh Pendaftar kepada Penolong-penolong Pendaftar di negeri-negeri yang akan memendekkan proses-proses kerja dan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan;
- (ii) untuk mengemaskan usaha-usaha pengawalan dan pengawasan ke atas pertubuhan-pertubuhan di negara ini

dengan mengadakan peruntukan-peruntukan baru; dan seterusnya

- (iii) untuk kebajikan pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar supaya pentadbiran mereka berfungsi dengan lebih cekap dan licin berikutan dengan proses memendekkan proses meminda undang-undang pertubuhan serta lain-lain faedah yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Akta Pertubuhan 1966 melibatkan keseluruhan 56 pindaan dan satu pindaan kepada Jadual I kepada akta tersebut yang meliputi 3 seksyen baru dan 13 subseksyen baru diwujudkan manakala 20 seksyen dan 20 subseksyen adalah dipinda yang melibatkan aspek-aspek berikut.

Mengikut peruntukan seksyen 3 yang ada sekarang, semua pegawai atasan iaitu Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar dan Pegawai Pendaftaran adalah dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui warta.

Dengan pindaan akta yang dicadangkan ini ianya akan memberi kuasa perlantikan pegawai-pegawai selain daripada Pendaftar dan Timbalan Pendaftar kepada menteri yang dapat memendekkan proses perlantikan itu.

Dengan cadangan pindaan akta ini hanya Pendaftar Pertubuhan dan Timbalannya sahaja yang akan dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong manakala pegawai-pegawai lain di peringkat atasan akan dilantik oleh menteri sahaja.

Akta Pertubuhan yang sedia ada memberi kuasa kepada Pendaftar Pertubuhan membuat keputusan untuk mendaftar, menolak dan membatalkan sesebuah pertubuhan. Kuasa yang ada pada Pendaftar di ibu pejabat tidak dapat diturunkan kepada Penolong Pendaftar dan Pegawai Pendaftaran di negeri-negeri yang bertanggungjawab mengawal dan mengawasi pertubuhan-pertubuhan di negeri masing-masing. Ini mengganggu kelicinan pengurusan dan pentadbiran jabatan.

Seksyen baru 3B(1) dan subseksyen baru 3B(2) akan membolehkan Pendaftar Pertubuhan menurunkan kuasa-kuasa tertentu seperti bagi permohonan pindaan undang-undang, pertukaran nama, pertukaran alamat, kebenaran bergerak sementara dan notis penggantungan sementara kepada peringkat Penolong Pendaftar Pertubuhan dan pegawai-pegawai lain di negeri-negeri di mana perlu.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini apabila notis seksyen 13(2) dikeluarkan kepada sesuatu pertubuhan, mereka akan terus bergerak sehingga dibatalkan. Oleh itu, seksyen baru 13(2A) dan 13(2B) memberi kuasa kepada Pendaftar Pertubuhan untuk menggantung aktiviti sesebuah pertubuhan dan mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan perlu semasa penggantungan itu berkuatkuasa, sebelum pertubuhan itu sampai ke tahap di mana pembatalan pendaftarannya perlu diteruskan.

Peruntukan ini perlu diadakan bagi menghalang pertubuhan-pertubuhan yang didapati menjalankan kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang berdaftar daripada meneruskan kegiatan mereka semasa tindakan pembatalan sedang diambil terhadap pertubuhan berkenaan.

Dengan demikian pindaan diadakan supaya notis seksyen 16 mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah seksyen 13.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang seksyen 21(1)(c) menetapkan bahawa anggota-anggota sesebuah pertubuhan faedah bersama hendaklah terdiri daripada orang-orang yang tinggal di sesuatu mukim di Semenanjung Malaysia atau di sesuatu bandar di Sabah dan Sarawak.

Peruntukan ini tidak membenarkan sesebuah pertubuhan faedah bersama diadakan di sesebuah pejabat. Maka dengan demikian pindaan dicadangkan kepada seksyen tersebut untuk membolehkan sesebuah pertubuhan faedah bersama ditubuhkan di sesebuah pejabat. Selain daripada itu pindaan juga di adakan kepada seksyen 21(1)(a) dengan meningkatkan sesuatu faedah yang boleh diberi oleh

sesebuah pertubuhan faedah bersama dari tidak lebih daripada RM1,000 kepada tidak lebih daripada RM2,000.

Definisi “bandar” mengikut seksyen 21(2), yang merangkumi mana-mana kampung, perbandaran atau bandar raya juga dipinda dengan memperluaskannya supaya termasuk juga “mukim”.

Seksyen 32(1) sekarang menetapkan bahawa proses pertukaran nama sesebuah pertubuhan faedah bersama hendaklah melalui satu resolusi khas dilakukan oleh $\frac{3}{4}$ anggota pertubuhan. Seterusnya resolusi ini hendaklah disahkan dalam satu Mesyuarat Agung dalam masa sebulan selepas diputuskan dalam mesyuarat sebelumnya. Peruntukan ini adalah membebaskan pertubuhan faedah bersama berbanding dengan proses pertukaran nama pertubuhan biasa mengikut seksyen 11. Maka dengan demikian seksyen 32(1) dimansuhkan dan kaedah untuk menukar nama pertubuhan faedah bersama adalah sama seperti yang terpakai bagi pertubuhan-pertubuhan lain.

Seksyen 49 pada masa sekarang menyatakan bahawa pemegang jawatan sesebuah pertubuhan yang dibatalkan tidak dibenarkan memegang jawatan dalam mana-mana pertubuhan kecuali mendapat kebenaran Pendaftar. Oleh kerana sekatan ini tidak menyebutkan tempoh masa, terdapat kekeliruan di kalangan bekas-bekas pemegang jawatan, sama ada mereka masih boleh memegang jawatan dalam pertubuhan-pertubuhan yang baru. Pindaan ini dapat mengatasi kekeliruan tersebut, di mana sekatan dihadkan selama 5 tahun sahaja.

Tujuan seksyen baru 53A ini diadakan ialah untuk membolehkan kerajaan mengambil tindakan ke atas mana-mana pertubuhan yang dengan sengaja memaparkan Sijil Perakuan Pendaftaran yang telah dibatalkan.

Tujuan seksyen baru 54A diadakan ialah untuk membolehkan kerajaan mengambil tindakan ke atas mana-mana orang yang dengan sengaja memberi maklumat atau dokumen palsu kepada Pendaftar atau Penolong-penolong Pendaftar.

Seksyen 64 pada masa ini hanya membenarkan Pendaftar atau seseorang Penolong Pendaftar untuk memasuki mana-mana tempat bagi maksud penyiasatan sahaja. Seksyen kecil baru 64(2) memberi kuasa kepada mana-mana pegawai jabatan untuk memasuki, menggeledah dan menyita barang-barang kepunyaan sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang bagi maksud digunakannya sebagai bukti dalam sesuatu kes yang dihadapkan ke mahkamah.

Dalam pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Akta Pertubuhan 1966 ini terdapat 7 seksyen dan 10 subseksyen yang melibatkan peningkatan denda terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Tujuannya adalah untuk memberi amaran awal kepada pertubuhan dan menjadi deterrent, dengan izin, kepada pertubuhan supaya lebih berhati-hati dan bertanggungjawab sebelum tindakan pembatalan dilakukan yang boleh melumpuhkan segala kegiatan/aktiviti pertubuhan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada beberapa peruntukan dalam Akta Pertubuhan 1966 ini adalah perlu bagi melicinkan pentadbiran akta tersebut dan proses-proses kerja di samping mempertingkatkan keberkesanan dalam mengawal dan mengawasi perjalanan sesebuah pertubuhan di negara ini.

Melalui pindaan ini ianya dapat mempercepatkan urusan pentadbiran Jabatan Pendaftaran Pertubuhan serta menyenangkan pertubuhan berurusan dengan jabatan di peringkat cawangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

6.22 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Akta Pertubuhan 1966 yang hendak dipinda ini dibawa oleh pihak kerajaan sebentar tadi.

Saya hendak mengucapkan syabas kepada pihak kerajaan kerana mempunyai keprihatinan yang amat sangat dari segi hendak menentukan supaya pertubuhan-pertubuhan di negara kita ini yang bercambah begitu banyak dapat berurusan dengan pihak kerajaan secara licin, teratur dan saksama. Kita dapati Malaysia mempunyai tarikan. Banyak pihak di luar negara dan di negara kita sendiri di mana pertubuhan-pertubuhan yang berasaskan kepada ciri-ciri antarabangsa dan global mahu bertapak di sini

kerana menggunakan Malaysia sebagai satu tempat untuk hendak mengembangkan aktiviti-aktiviti mereka terutama sekali dari segi hak asasi manusia.

Kita dapati sekarang, setelah dunia dibuka tanpa sempadan, isu-isu globalisasi dan hak asasi manusia sangatlah menjadi satu faktor yang amat penting bagi negara-negara yang tertentu untuk memberikan, dengan izin, imposition, nilai-nilai ini kepada negara-negara yang membangun. Kita dapati setiap kegiatan sekarang ini dari segi kegiatan ekonomi misalnya, kegiatan pinjaman, kegiatan-kegiatan apa sahaja, selalunya negara-negara maju mengatakan kita akan berdagang dengan sesebuah negara. Kita akan memberikan bantuan baik dari segi dana mata wang antarabangsa (IMF) ataupun Bank Dunia ataupun mana-mana sahaja badan-badan yang bersangkutan-paut dengan Bangsa-Bangsa Bersatu sentiasa dikaitkan dengan hak-hak asasi dan ciri-ciri demokrasi, dikaitkan dengan ketelusan dan sebagainya, sehinggakan dunia ini mempunyai badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan yang ditubuhkan semata-mata mengawasi kegiatan-kegiatan ada atau tidak negara-negara ini menyumbangkan ataupun memberikan pendirian terhadap isu-isu hak-hak asasi dan sebagainya. Maka, wujudlah pertubuhan-pertubuhan di negara kita terutama sekali saya dengar JAS dan sebagainya, banyak lagilah pertubuhan-pertubuhan yang membawa ciri-ciri dan falsafah demokrasi kononnya demokrasi ala Barat ini lebih baik daripada sistem yang wujud di tempat kita.

Justeru kerana itu, penglibatan pegawai-pegawai yang menganggotai pertubuhan-pertubuhan ini kadangkala mendapat tunjuk ajar (direction) atau arahan daripada pertubuhan-pertubuhan yang mungkin berpusat di New Yorkkah, Londonkah, Amsterdankah dan mereka di sini menyemarakkan ideologi, dengan izin, yang berpusat di luar negara. Kadangkala juga kemungkinan aktiviti-aktiviti mereka ini adalah berteras dan berpaksi kepada peruntukan kewangan. Kita hendak tahu daripada pihak kerajaan di mana peruntukan yang menentukan kalau sekiranya kegiatan-kegiatan satu-satu pertubuhan di negara kita ini dibiayai dengan secara tidak mempunyai ketelusan di mana punca kewangannya kita mahu pihak pendaftaran, kita mahu pihak menteri yang mengawasi akta ini mendapat maklumat serta-merta, tidak menunggu pada waktu mesyuarat agung apabila pertubuhan ini membentangkan laporan tahunannya untuk menyatakan banyak mana wang keluar, banyak mana wang masuk. Kadangkala berkemungkinan besar penyata-penyata ini terlewat, pada masa yang sama kegiatan-kegiatan telah pun berjalan dengan niat dan nawaitu yang bercanggah dengan apa yang kita hendak buat di negara kita.

Jadi, pertubuhan-pertubuhan di negara ini mestilah mempunyai falsafah semata-mata dengan tujuan yang baik untuk kebaikan negara kita untuk menentukan isu-isu yang kita berdepan di negara kita ini diawasi oleh pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan, dapat berjalan tanpa diganggu-gugat oleh mana-mana pihak yang mempunyai tujuan politik, yang mempunyai agenda tersembunyi, the hidden agenda, dengan izin, yang sentiasa mengganggu-gugat negara-negara membangun. Kita dapati sekarang ini isu-isu ekonomi misalnya, yang kita hendak bawa di peringkat hendak membangunkan negara-negara di rantau ini, selalunya dikaitkan dengan ideologi-ideologi yang berunsur ideologi Barat, yang dikaitkan dengan demokrasi. Kita mahulah pertubuhan-pertubuhan ini berwaspada dengan ancaman secara perlahan-lahan yang dibuat oleh pihak-pihak luar ini.

Saya memang mengucapkan tahniah kerana akta ini dengan beberapa pindaan yang dibuat menunjukkan bahawa kerajaan amat peka dari segi kelicinan, dari segi fungsi pegawai-pegawai pendaftar, penolong pendaftar dapat terus berinteraksi dengan cepat tetapi kita mengharapkan jugalah pihak kementerian dapat menggunakan lebih banyak lagi dari segi hi-tech ini di mana maklumat-maklumat di peringkat negeri, di peringkat daerah dapat terus diresapkan ke peringkat pusat, kita awasi menerusi skrin sahaja. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak tengok kegiatan, misal katakan pertubuhan yang diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki – tengok sahaja di situ kita tahu, terus, kegiatannya semuanya baik belaka, dari segi kedudukan kewangannya teguh dan tepat dengan objektif-objektifnya. Ini yang kita perlu – kecanggihan-kecanggihan teknologi di negara kita ini digunakan untuk mendapatkan maklumat dengan secepat mungkin dari segi mengawasi. Kita hendak memperkuat lagi proses pengawasan pertubuhan-pertubuhan yang wujud di negara kita ini. Pihak Kementerian Dalam Negeri yang mana ianya diletakkan tanggungjawab mengawasi pertubuhan-pertubuhan ini saya yakin memang mempunyai kepakaran kerana imigresen pun di bawah naungan kementerian, lepas itu polis pun di bawah kementerian, dari segi keselamatan negara, kita yakin terjamin menerusi kementerian yang mempunyai kakitangan-kakitangan di dalam segala bidang untuk mengawasi keamanan dan harmoni dapat terus wujud di negara kita ini.

Inilah sebenarnya faktor-faktor yang menguatkan kedudukan negara kita yang setakat ini – sebelum kegawatan ekonomi sentiasa menjadi idaman, acuan kepada negara-negara membangun yang lain dan kita berasa amat bertuah kerana kita mempunyai kerangka undang-undang, struktur perundangan yang sentiasa fleksibel dari masa ke semasa disesuaikan dengan keadaan untuk menentukan kelicinan perjalanannya dari segi pengawasan oleh pihak kerajaan

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Dato' Abdul Aziz yang menggambarkan bahawa sekarang ini disebabkan kegawatan ekonomi melanda negara kita, negara kita ini tidak menjadi contoh dan idaman negeri-negeri lain lagi, adakah ini betul sebab pendapat saya masih lagi menjadi idaman.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya tidak mengatakan tidak menjadi idaman lagi. Kegawatan ekonomi sekarang ini menggugat kita dari segi negara kita, pemimpin kita terpaksa memberikan pandangan dan perhatian untuk menentukan negara kita dan rantau ini balik semula kepada zaman pra-kegawatan ekonomi pada 2 Julai 1997. Dari segi acuannya, memang berterusan. Tengok sahaja apa yang terjadi baru-baru ini di Mesir – di Universiti Al-Azhar sendiri sebagai universiti yang tertua di dunia – 1,000 tahun, dari segi pusat ilmiah akademi Islam memberikan penghormatan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Selain daripada Saudi Arabia dahulu, dari segi negara-negara Islam, jelas menunjukkan kita mempunyai pendekatan yang amat sesuai bagi menentukan negara yang berbilang kaum, berbilang agama menerusi Kerajaan Barisan Nasional sentiasa dapat kita jaga dengan baik, dengan penuh harmoni. Yang inilah kekuatan kita yang sekarang ini menjadi acuan negara-negara Afrika, misalnya.

Kita mengucapkan syabas kepada pemimpin kita yang mempunyai pandangan dan ketelusan pemikiran yang amat disanjung tinggi oleh mana-mana pihak di dunia, tidak ada tolok bandingnya.

Begitu juga apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengatakan perlunya pengawasan dari segi dana mata wang, dari segi kecairan mata wang dunia, dari segi perdagangan mata wang yang meningkat lebih hebat daripada perdagangan barang-barang, dengan izin, tradable items. Kita mendapat perhatian luar, kita mendapat perhatian daripada mereka yang menjadi spekulator yang bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita – IMF, Bank Dunia semuanya bersetuju.

Yang kita hairan sekarang ini mengapa Asia Development Bank, dengan izin, masih lagi tidak berapa aktif dengan reaksi terhadap kegawatan ekonomi rantau ini. Kita mengharapkan Asia Development Bank sepatutnya memberikan pandangan yang sama seperti Bank Dunia dan juga dana mata wang antarabangsa untuk menentukan penyelesaian ekonomi di negara kita dapat dibuat. Jadi, soal acuan, Malaysia masih lagi tegap dan teguh kerana ianya mencerminkan kewibawaan kepimpinan negara kita baik Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, Timbalannya Dato' Seri Anwar, ahli-ahli Kabinetnya – semuanya menjuruskan pemikiran terhadap meningkatkan martabat maruah negara dan bangsa sejajar dan setanding dengan negara-negara di peringkat arena antarabangsa. Jadi, ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi, Yang Berhormat.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ini banyak lagi ini. Ini tidak sentuh lagi tentang proviso-proviso tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Kita kena tangguhlah. Jam sudah cukup 6.30 petang, maka Majlis ditangguhkan kepada besok hari jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.